



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

MODUL

MY INTELLECTUAL CIRCLE (MYIC)

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Isi Kandungan	1
Pengenalan	2
Kumpulan Editor	3
Penghargaan	4
BAB 1 : AQIDAH	5
Beriman Kepada Allah	10
Beriman Kepada Malaikat	14
Beriman Pada Kitab	16
Beriman Kepada Rasul	18
Beriman Pada Hari Kiamat	21
Beriman Pada Qada' & Qadar	25
Ahli Sunnah Wal Jama'ah	27
Isu semasa berkaitan Aqidah	35
BAB 2 : IBADAH	42
Bersuci	42
I. Istinjak	46
II. Wuduk	49
III. Mandi	51
IV. Tayammum	57
Solat	61
I. Solat Berjemaah	67
II. Solat Musafir	68
Jenazah	74
Zakat	78
Puasa	80
BAB 3: AKHLAK	87
RUJUKAN	97

PENGENALAN MODUL MY INTELLECTUAL CIRCLE (MyIC)

Modul My Intellectual Circle (MyIC) ini direkabentuk bagi membimbing pelajar tentang kecerdasan spiritual yang merupakan salah satu komponen penting dalam mata pelajaran Soft skills 1 (UHS 1021).

Pada asasnya manusia adalah hasil gabungan dua unsur utama iaitu jasad dan roh. Namun, diantara dua unsur ini roh memainkan peranan utama untuk membolehkan perkembangan kecerdasan emosi, intelektual dan fizikal manusia terpandu dan berfungsi dengan baik. Aspek kerohanian atau dikenali sebagai kecerdasan spiritual inilah yang menentukan kualiti atau kematangan manusia membuat keputusan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Keputusan yang dibuat seterusnya menentukan tindakan dalam mengurus diri dan cara hidup, berinteraksi dengan orang lain dan persekitaran. Inilah yang dikatakan sebagai peranan manusia sebagai seorang khalifah atau pemimpin.

Oleh itu, modul ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan penghayatan pelajar terhadap kecerdasan spiritual yang dikupas dalam tajuk akidah yang membincangkan konsep keesaan Allah SWT. Keyakinan terhadap konsep keesaan Allah SWT (tauhid) menjadi titik fokus kehidupan untuk memberi panduan dan halatuju kepada visi kehidupan iaitu untuk kembali kepada Allah SWT. Tujuan kehidupan ini seharusnya meningkatkan kemampuan individu untuk memimpin pembangunan syariat atau cara hidup dirinya serta akhlak mereka dalam interaksi sosial dengan orang lain serta makhluk sekalian alam. Dalam erti kata lain keyakinan kepada Keesaan Allah SWT asas terpenting untuk menjadi insan yang produktif dan berjaya di dunia dan di akhirat.

Maka, kekuatan akidah atau keimanan seseorang perlu diterjemahkan dengan kata-kata dan dibuktikan secara praktikal dalam tindakan berdasarkan kepatuhan kepada perintah dan larangan Allah SWT. Ringkasnya, akidah adalah asas kepada lahirnya keseimbangan dan kesejahteraan diri serta kemampuan membina hubungan yang harmoni yang bersifat vertikal dengan Allah SWT dan horizontal dengan orang lain serta makhluk sekalian alam. Inilah yang dikatakan sebagai ciri insan yang holistik. Ciri insan yang sebeginilah yang ingin dilahirkan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP). Oleh itu, modul ini menjelmakan hasrat tersebut berdasarkan lima nilai teras utama UMP iaitu hubungan kuat dengan Pencipta, berpegang teguh kepada prinsip yang disepakati, kreatif, cekal dan proaktif dan mampu memimpin proses inovasi dalam sains dan teknologi untuk kesejahteraan sejagat.

Modul ini merupakan hasil usahasama Jabatan Kemahiran Insaniah dan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).

KUMPULAN EDITOR

Dr. Mansor Sulaiman

Dr. Mohd Hilmi Mat Said

Dr. Mohd Suhardi Mat Jusoh

Dr. Anita Abdul Rani

Dr. Rohana Hamzah

Ustazah Amira Abdullah

Ustazah Nurul Fatihah Abdul Rahman

Ustaz Muhammad Sallehudin Mat Derus


Ustaz Mohd Hasnur Abd Hamid

Ustaz Ku Mohd Aminuddin Baki Ku Yakub

Noraddina Shoffi Jamaluddin

Nurjannah Kasim

Nurul Huda Mohd Nawawi



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.

Alhamdulillah kami bersyukur kepada Allah (S.W.T) yang telah memberi kekuatan untuk kami menyiapkan modul ini. Selawat dan salam juga ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang telah mewariskan ilmu untuk menjadi panduan penyuluh jalan kehidupan yang benar sepanjang zaman.

Modul MyIC ini dihasilkan dengan hasrat untuk dijadikan rujukan kepada pelajar UMP dalam usaha melahirkan para graduan holistik yang mampu menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ketamadunan negara dan seterusnya menjadi muslim produktif. Maka, bagi mencapai objektif ini ilmu kecerdasan spiritual berteraskan tauhid perlu dijadikan asas utama dalam pembangunan personaliti insan serta cara hidup yang berakhlak, beradab serta bertanggungjawab serta mampu berperanan sebagai pemimpin kepada diri, keluarga dan masyarakat. Oleh itu, ilmu penghayatan aqidah dan bagaimana ilmu tersebut mempengaruhi perkembangan akhlak seorang insan telah dikupas dan dibincangkan secara tuntas oleh para ilmuan. Selain dari itu persoalan-persoalan penting berkaitan akidah, syariat dan akhlak juga dibincangkan bagi memberi pencerahan dan membantu para pembaca membuat penilaian yang lebih kritikal terhadap isu-isu kehidupan dan membuat pilihan yang bijak dalam proses menjadi insan yang lebih baik, berjaya dan bahagia.

Oleh itu, kami ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan jutaan terima kasih kepada kumpulan penulis terlibat di atas sumbangan idea, serta pengorbanan masa dan tenaga untuk menghasilkan modul ini. Dikesempatan ini juga kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dan pihak pengurusan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) serta Universiti yang sentiasa meletakkan kemahiran insaniah sebagai keutamaan dalam merencana keunikan pembangunan dan perkembangan pelajar di UMP.

Maka, besarlah harapan kami agar modul ini menjadi karya yang bermanfaat kepada semua pembaca khususnya kepada pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk membantu, membimbing dan mendidik mereka menjadi professional dalam pelbagai bidang. UMP komited dalam usaha melahirkan pemimpin berakhlak mulia sebagai pemancu pembangunan peradaban negara bangsa dalam bidang sains dan teknologi.

AQIDAH

MAKNA:

SUDUT ISTILAH AM: Kepercayaan atau keimanan yang muktamad tanpa sedikit pun rasa syak dan ragu-ragu bagi orang yang berpegang kepada kepercayaan itu.

AQIDAH ISLAMIYYAH: Keimanan yang teguh dan bersifat pasti kepada Allah swt dengan melaksanakan segala kewajiban dan mentauhidkanNya dan taat kepadaNya, beriman kepada para malaikatNya, rasul-rasulNya, kitab-kitabNya, hari akhirat, qada & qadar serta mengimani seluruh apa yang telah sahih tentang prinsip-prinsip agama yang telah ditetapkan menurut Al-Quran & As-Sunnah yang sahih serta ijma' para ulamak.

DALIL AL-QURAN

فَمَنْ كَانَ يَرْجُو لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

“Maka barangsiapa yang mengharapkan perjumpaan dengan Tuhannya hendaklah dia beramal soleh dan tidak mempersekutukan sesuatu apapun dengan-Nya dalam beribadah kepada-Nya.”

(Surah Al Kahfi: 110)

Dalam ajaran Islam, akidah ialah iman atau kepercayaan. Sumbernya ialah kitab suci Al-Quran & hadis Rasulullah saw.

Abu Ala Maududi, menjelaskan hubungan antara iman & Islam:

“Hubungan antara Islam & iman adalah laksana hubungan antara pokok dengan akarnya sebagaimana sepohon pokok tidak dapat tumbuh dan hidup subur tanpa akarnya demikianlah pula seseorang itu tidak dapat menjadi muslim tanpa mempunyai keimanan”

PRINSIP-PRINSIP AQIDAH:

(Diiktiraf benar-benar aqidah seorang muslim)

BIL	PRINSIP AQIDAH
1	<p>Saya mestilah beriman bahawa pencipta alam ini adalah Tuhan yang Maha Bijaksana lagi Berkuasa, Maha Mengetahui serta tidak memerlukan pertolongan sesiapaupun.</p> <p style="text-align: center;">لَوْ كَانَ فِيهِمَا ءِالِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا فَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ</p> <p>Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. Maka (bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan): Maha Suci Allah, Tuhan yang mempunyai Arasy, dari apa yang mereka sifatkan. (Surah Al-Anbiya' 21: Ayat 22)</p>
2	<p>Saya mestilah beriman bahawa Tuhan yang Maha Mulia tidaklah mencipta segala kejadian alam secara sia-sia tanpa apa-apa tujuan.</p> <p style="text-align: center;">أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ</p> <p>Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami? Maka (dengan yang demikian) Maha Tinggilah Allah Yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Tetap Benar; tiada Tuhan melainkan Dia, Tuhan yang mempunyai Arasy yang mulia. (Surah Al-Mu'minun 23: Ayat 115-116)</p>
3	<p>Saya mestilah beriman bahawa Allah swt telah mengutuskan Rasul-Rasul dan diturunkan untuk mereka kitab-kitab.</p> <p style="text-align: center;">وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكذِّبِينَ</p> <p>Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut. Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayat petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasulrasulnya. (Surah Al-Nahl 16: Ayat 36)</p>
4	<p>Saya mestilah mengimani bahawa matlamat hidup manusia dalam kehidupan dunia ini untuk mengenal Allah.</p> <p style="text-align: center;">وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أُرِيدُ أَنْ يُطْعَمُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ</p> <p>Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepadaKu. Sesungguhnya Allah Dialah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dialah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya. (Surah Al-Zariyat 51: Ayat 56-58)</p>

5	<p>Saya mesti mengimani bahawa syurga adalah ganjaran baik manakala neraka adalah ganjaran siksaan</p> <p style="text-align: center;">"فَرِيقٌ فِي الْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِي السَّعِيرِ"</p> <p>"sepuak masuk Syurga dan sepuak lagi masuk Neraka." (Surah Al-Syura 42: Ayat 7)</p>
6	<p>Saya mestilah mengimani bahawa manusia itu dapat mencapai kebaikan dan kejahatan melalui daya usaha, ikhtiar dan kehendaknya.</p> <p style="text-align: center;">وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا</p> <p>(Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa; Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat). (Surah alSyams 91: Ayat 7-10)</p>
7	<p>Saya mestilah mengimani bahawa pensyariatan undang-undang adalah hak mutlak bagi Allah.</p> <p style="text-align: center;">وَمَا اخْتَلَفْتُمْ فِيهِ مِنْ شَيْءٍ فَحُكْمُهُ إِلَى اللَّهِ ذَلِكُمُ اللَّهُ رَبِّي عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ</p> <p>Dan (katakanlah wahai Muhammad kepada pengikut-pengikutmu): Apa jua perkara agama yang kamu berselisihan padanya maka hukum pemutusnya terserah kepada Allah; Hakim yang demikian kekuasaanNya ialah Allah Tuhanku; kepadaNya aku berserah diri dan kepadaNya aku rujuk kembali (dalam segala keadaan). (Surah Al-Syura 42: Ayat 10)</p>
8	<p>Saya mestilah mempelajari dan berusaha untuk mengetahui nama-nama dan sifat-sifat Allah.</p> <p style="text-align: center;">لِلَّهِ تِسْعَةٌ وَسِتُّونَ اسْمًا مِائَةً إِلَّا وَاحِدًا لَا يُحْفَظُهَا أَحَدٌ إِلَّا دَخَلَ الْجَنَّةَ وَهُوَ وَثَرٌ يُجِبُّ الْوَثْرَ</p> <p>Allah s.w.t mempunyai sembilan puluh sembilan nama, kurang satu seratus. Sesiapa yang menghafaznya akan memasuki syurga. Allah itu ganjil (tunggal) dan menyukai (bilangan) yang ganjil." (Hadis riwayat Bukhari & Muslim)</p>
9	<p>Saya mestilah berfikir tentang makhluk ciptaan Allah, bukan berfikir tentang zat Allah.</p> <p style="text-align: center;">تفكروا في خلق الله ولا تتفكروا في الله فإنكم لن تقدروا قدره</p> <p>"Berfikirlah kamu tentang makhluk ciptaan Allah dan janganlah kamu memikirkan tentang ZatNya kerana kamu tidaklah mengetahui keadaan sebenarnya." (Hadis diriwayatkan oleh Abu Nu'aim di dalam Al-Halyah dan AlAsbahani meriwayatkannya di dalam Al-Taghrib wa Al-Tarhib)</p>
10	<p>Mengenai sifat-sifat Allah pula telah banyak ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan sifat-sifat Allah dan kesempurnaan sifat uluhiyahNya.</p>

11	Saya mestilah yakin bahawa pendapat para salafus-soleh lebih utama untuk diikuti.
12	Saya mestilah mengabdikan diri hanya kerana Allah semata-mata, tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu. وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut. (Surah Al-Nahl 16: Ayat 36)
13	Saya hendaklah takut kepada Allah semata-mata. وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشِ اللَّهَ وَيَتَّقْهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya dan takut melanggar perintah Allah serta, menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah, maka merekalah orang-orang yang beroleh kemenangan. (Surah Al-nur 24: Ayat 52)
14	Saya mestilah sentiasa mengingati Allah dan sentiasa berzikir kepadaNya. الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ (laitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan "zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia. (Surah Al-Ra'ad 13: Ayat 28)
15	Saya mestilah mencintai Allah dengan kecintaan yang menyebabkan hati saya sentiasa merinduiNya dan bergantung kepadaNya. قُلْ إِنْ كَانَ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ Katakanlah (wahai Muhammad): Jika bapa-bapa kamu dan anak-anak kamu dan saudara-saudara kamu dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu dan kaum keluarga kamu dan harta benda yang kamu usahakan dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk agamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasiq (derhaka). (Surah Al-Taubah 9: Ayat 24)
16	Saya mestilah bertawakkal kepada Allah dalam semua urusan. وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ "....sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). (Surah Al-Talaq 65: Ayat 3)
17	Saya mestilah bersyukur kepada Allah atas nikmat dan kurniaanNya. وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

	Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur. (Surah Al-Nahl 16: Ayat 78)
18	<p>Saya mestilah meminta ampun dari Allah & sentiasa bertaubat .</p> <p>وَمَنْ يَعْمَلْ سُوءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُ ثُمَّ يَسْتَغْفِرِ اللَّهَ يَجِدِ اللَّهَ غَفُورًا رَحِيمًا</p> <p>Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri (dengan melakukan maksiat) kemudian dia memohon ampun kepada Allah, nescaya dia akan mendapati Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah AlNisa' 4: Ayat 110)</p>
19	<p>Saya mestilah sentiasa dalam keadaan bermuraqabah (merasa dekat) terhadap Allah, baik dalam keadaan terang atau sembunyi.</p> <p>مَا يَكُونُ مِنْ نَجْوَى ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةَ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَا أَدْنَى مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرَ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا كَانُوا ثُمَّ يُنَبِّئُهُمْ بِمَا عَمِلُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ</p> <p>Tiada berlaku bisikan antara tiga orang melainkan Dialah yang keempatnya dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan Dialah yang keenamnya dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan Dia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada. Kemudian Dia akan memberitahu kepada mereka pada hari kiamat, apa yang mereka telah kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (Surah AlMujadalah 58: 7)</p>

RUKUN IMAN:



BERIMAN KEPADA ALLAH

PENGERTIAN:

Membenarkan dengan hati bahawa Allah itu benar-benar ada dengan segala sifat keagungan dan kesempurnaanNya, kemudian pengakuan itu diikrarkan dengan lisan serta dibuktikan dengan amal perbuatan secara nyata.

DALIL:

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ * سورة البقرة

*Dan Tuhan itu, Tuhan Yang Maha Esa. Tidak ada Tuhan selain Dia.
Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang.*

TAUHID ULUHIYYAH DAN TAUHID RUBUBIYYAH

TAUHID ULUHIYYAH

- Pengesaan Allah dalam ketuhanan. Ketauhidan ini dibina atas dasar ikhlas kerana Allah semata-mata, bersama rasa cinta, takut, mengharap, tawakal, gemar dan hormat secara menyeluruh hanya kepada Allah. Tauhid uluhiyah itu mengesakan Allah dalam ketuhanan, kerana dasar aqidahnya dibangun atas keikhlasan bertuhan. Dan dalam mendapatkan keikhlasan itu perlu pula kepada cinta yang amat sangat kepada Rabbul Izzah Allah Maha Esa

TAUHID RUBUBIYYAH

- Tuhan pengatur segala sesuatu, Dia pemiliknya, Dia pencipta aturannya dan pemberi rezekinya. Sesungguhnya Dia yang menghidupkan, yang mematikan, yang memberi manfaat, yang mendatangkan hukum mudarat dan Dia menerima doa terutama dalam kesukaran. Semua perkara adalah bagi-Nya, ditangan-Nya terletak seluruh kebaikan, Dia berkuasa atas apa sahaja yang Dia kehendaki dan tidak ada sekutu bagi-Nya dalam hal ini, termasuklah qada' dan qadar seseorang. Semua hamba-Nya berhajat kepada Allah sahaja.


SIFAT 20:

SIFAT WAJIB BAGI ALLAH	SIFAT MUSTAHIL BAGI ALLAH
Wujud	'Adamun (tiada)
Qidam (sedia ada)	Hudasun (baharu)
Baqa' (kekal selamanya)	Fanaa (binasa)
Mukhalafatuhu Lil Hawadis (berlainan dengan segala yang baru (makhluq))	Mumasilatuhu Lil Hawadis (menyerupai dengan yang baharu)
Qiyamuhu Binafsihi (berdiri dengan sendiri)	Qiyamuhu Bi Ghairihi (berdiri dengan pertolongan orang lain)
Wahdaniyat (Allah itu Maha Esa)	Ta'adud (berbilang-bilang)
Qudrat (Allah itu Maha Berkuasa)	'Ajzun (lemah)
Iradat (Allah itu Maha Berkehendak)	Karahatun (terpaksa)
Ilmu (Allah itu Maha Mengetahui)	Jahlun (bodoh)
Hayat (Allah itu Maha Hidup)	Mautun (mati)
Sama' (Allah itu Maha Mendengar)	Samamum (pekak)
Basar (Allah itu Maha Melihat)	'Amaa (buta)
Kalam (Allah itu Maha Berkata-kata)	Bukmun (bisu)
Kaunuhu Qadiran (keadaannya yang Maha Berkuasa)	Kaunuhu 'Ajizan (keadaannya lemah)
Kaunuhu Muridan (keadaannya yang Maha Berkehendak)	Kaunuhu Karihan (keadaannya terpaksa)
Kaunuhu 'Aliman (keadaannya yang Maha Mengetahui)	Kaunuhu Jahilan (keadaannya bodoh)
Kaunuhu Hayyan (keadaannya yang Maha Hidup)	Kaunuhu Mayyitan (keadaannya mati)
Kaunuhu Sami'an (keadaannya yang Maha Mendengar)	Kaunuhu 'Assammu (keadaannya tuli)
Kaunuhu Basiran (keadaannya yang Maha Melihat)	Kaunuhu 'amaa (keadaannya buta)
Kaunuhu Mutakalliman (keadaannya yang Maha Berkata-kata)	Kaunuhu Abkam (keadaannya bisu)
SIFAT YANG HARUS BAGI ALLAH	
Harus bagi Allah melakukan atau meninggalkannya. Allah itu harus melakukan sesuatu mengikut kehendak dan kudratNya, tidak dipengaruhi oleh sesiapaupun, Allah bebas melakukan atau menjadikan sesuatu tanpa diikuti oleh sesuatu peraturan atau tidak melakukannya.	

99 NAMA ALLAH:

الله Allah	العليم Maha Mengetahui	الحفيظ Maha Menjaga	المحصى Maha Menghitung	الوالي Maha Memerintah
الرحمن Maha Pemurah	القباض Yang Menyempitkan	المقيت Maha Pemberi Kekucupan	المبدئ Maha Memulai	المتعالى Maha Tinggi
الرحيم Maha Penyayang	الباسط Yang Melapangkan	الحسيب Maha Membuat Perhitungan	المعيد Maha Mengembalikan Kehidupan	البر Maha Penderma
الملك Maha Memerintah	الخافض Yang Merendahkan	الجليل Maha Mulia	المحيى Maha Menghidupkan	التواب Maha Penerima Taubat
القدوس Maha Suci	الرافع Yang Meninggikan	الكريم Maha Pemurah	المميت Maha Mematikan	المنتقم Maha Penyiksa
السلام Maha Memberi Kesejahteraan	المعز Yang Memuliakan	الرقيب Maha Mengawasi	الحي Maha Hidup	العفو Maha Pemaaf
المؤمن Yang Memberi Keamanan	المذل Yang Menghinakan	المجيب Maha Mengabulkan	القيوم Maha Mandiri	الرؤوف Maha Pengasih
المهيمن Maha Pemelihara	السميع Maha Mendengar	الواسع Maha Luas	الواجد Maha Penemu	مالك الملك Penguasa Kerajaan
العزيز Maha Gagah	البصير Maha Melihat	الحكيم Maha Bijaksana	الماجد Maha Mulia	ذو الجلال و الإكرام Pemilik Kebesaran dan Kemuliaan
الجبار Maha Perkasa	الحكم Maha Menetapkan	الودود Maha Pencinta	الواحد Maha Esa	المقسط Maha Adil
المتكبر Maha Megah, Yang Memiliki Kebesaran	العدل Maha Adil	المجيد Maha Sempurna Kemuliaan-Nya	الصمد Tempat Meminta	الجامع Maha Mengumpulkan
الخالق Maha Pencipta	اللطيف Maha Lembut	الباعث Maha Membangkitkan	القادر Maha Menentukan	الغنى Maha Memiliki Kekucupan
البارئ Yang Melepaskan	الخبير Maha Mengetahui Rahsia	الشهيد Maha Menyaksikan	المقتدر Maha Berkuasa	المغنى Maha Pemberi Kekayaan
المصور Yang Membentuk Rupa	الحليم Maha Penyantun	الحق Maha Benar	المقدم Maha Mendahulukan	المانع Maha Mencegah
الغفار Maha Pengampun	العظيم Maha Agung	الوكيل Maha Memelihara	المؤخر Maha Mengakhirkan	الضار Maha Memberi Derita
القهار Yang Memaksa	الغفور Maha Pengampun	القوى Maha Kuat	الأول Maha Awal	النافع Maha Memberi Manfaat
الوهاب Maha Pemberi Kurnia	الشكور Maha Pembalas Budi	المتين Maha Teguh	الأخر Maha Akhir	النور Maha Bercahaya
الرزاق Maha Pemberi Rejeki	العلی Maha Tinggi	الولى Maha Melindungi	الظاهر Maha Nyata	الهادئ Maha Pemberi Petunjuk
الفتاح Maha Pembuka Rahmat	الكبير Maha Besar	الحميد Maha Terpuji	الباطن Maha Ghaib	البدیع Maha Pencipta
الباقى Maha Kekal	الوارث Maha Pewaris	الرشيد Maha Bijaksana	الصبور Maha Sabar	

KESAN MENCINTAI ALLAH SWT



Universiti
Malaysia



BERIMAN KEPADA MALAIKAT

PENGERTIAN:

Perkataan malaikat merupakan jamak dari kata Arab iaitu malak (ملاك) yang bererti kekuatan. Jadi malaikat adalah kekuatan-kekuatan yang patuh pada ketentuan dan perintah Allah.

DALIL:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا آمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِن قَبْلُ ۗ وَمَن يَكْفُرْ بِاللَّهِ
وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, tetapkanlah beriman kepada Allah dan rasulNya dan kepada kitab yang Allah turunkan kepada rasulNya, serta kitab yang Allah turunkan sebelumnya. Barangsiapa yang kafir kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya dan hari Kemudian maka sesungguhnya orang itu telah sesat sejauh-jauhnya. (An-Nisa':136)


SIFAT-SIFAT MALAIKAT:



NAMA-NAMA MALAIKAT & TUGASNYA:

BIL	NAMA	TUGAS
1	Malaikat Jibril AS	Diberi satu jawatan khusus dan yang paling mulia iaitu utusan yang menghubungkan di antara Allah dengan rasul-rasul-Nya, dan juga ditugaskan menyampaikan wahyu daripada Allah kepada rasul-rasul-Nya itu.
2	Malaikat Mikail	Ditugaskan oleh Allah menurunkan hujan untuk menghidupkan bumi, binatang-binatang, sayur-sayuran, pokok-pokok, buah-buahan, biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan yang lain.
3	Malaikat Israfil	Ditugaskan oleh Allah meniupkan sangkakala pada hari kiamat dan pada ketika itu makhluk-makhluk yang ada di langit dan di bumi semuanya mati kecuali yang dikehendaki Allah terkemudian matinya.
4	Malaikat Izrail	Ditugaskan oleh Allah untuk mencabut nyawa semua yang bernyawa di alam dunia ini.
5	Malaikat Mungkar dan Nangkir	Ditugaskan oleh Allah untuk menyoal mayat selepas manusia telah meninggal dunia.
6	Malaikat Raqib	Ditugaskan oleh Allah untuk mencatat segala perbuatan dan perkataan yang baik daripada manusia.
7	Malaikat Atiq	Ditugaskan oleh Allah untuk mencatat segala perbuatan dan perkataan yang jahat daripada manusia.
8	Malaikat Malik	Ditugaskan oleh Allah untuk menjaga pintu neraka tempat manusia menerima balasan dari dosa dan kederhakaan manusia kepada Allah.
9	Malaikat Ridhuan	Ditugaskan oleh Allah untuk menjaga pintu syurga tempat manusia menerima balasan dari ketaatan dan ketakwaan manusia kepada Allah.

KESAN BERIMAN KEPADA MALAIKAT



BERIMAN KEPADA KITAB

PENGERTIAN:


Kita wajib beriktikad dan berkeyakinan dengan sebenarbenarnya bahawa sesungguhnya Allah Taala itu mempunyai beberapa kitab suci yang merupakan firman Allah yang hakiki. Diturun melalui wahyu yang disampaikan dengan perantaraan malaikat Jibra' alaihissalam.

DALIL:


نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنزَلَ التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ

Maksudnya: "Ia menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci Al-Quran dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripadanya, dan ia juga yang menurunkan kitab-kitab taurat dan injil". (Ali Imran:3)

NAMA-NAMA NABI & KITABNYA:



KESAN BERIMAN KEPADA KITAB



BERIMAN KEPADA RASUL

PENGERTIAN:

Wajib yakin dan percaya bahawa Allah telah mengutuskan para Rasul dan Nabi kepada manusia ke dunia ini bagi menunjukkan jalan ke arah kebenaran & kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

DALIL:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: "Katakanlah: "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu". Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."(Ali-Imran:31)

SIFAT-SIFAT RASUL:

SIFAT WAJIB	SIFAT MUSTAHIL
SIDDIQ (benar didalam tutur kata & tingkah laku)	KAZIB (dusta)
AMANAH	KHIANAT
TABLIGH (Menyampaikan apa yang telah diterima wahyu dari Allah)	MENYEMBUNYIKAN (Menyembunyikan sesuatu yang diwahyukan daripada Allah)
FATANAH (cerdik)	BODOH / LEMAH OTAKNYA
SIFAT HARUS	
<p>Mereka memiliki sifat kemanusiaan. Mereka makan, minum, berkahwin, tidur atau dijangkiti penyakit.</p> <p>Namun, sifat kemanusiaan yang mereka miliki itu tidaklah menjejaskan atau menjatuhkan taraf kenabian atau kerasulan mereka.</p>	

PERBEZAAN ANTARA RASUL & NABI:

RASUL	NABI
Diutuskan kepada seluruh manusia	Diutuskan hanya kepada kaumnya sahaja
Bilangan : 313 orang (yang disebut dalam Al-Quran hanya 25 orang sahaja)	Bilangan : 124,000 Orang

Sumber : Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Mardawaih

Semua Rasul adalah Nabi, dan sebaliknya

25 NAMA NABI & RASUL:

صالح SOLEH	هود HUD	نوح NUH	ادريس IDRIS	ادم ADAM
يعقوب YAAKUB	اسحاق ISHAK	اسماعيل ISMAIL	لوط LUTH	ابراهيم IBRAHIM
هارون HARUN	موسى MUSA	شعيب SYUIB	أيوب AYUB	يوسف YUSUF
الياسع ILYASA'	الياس ILYAS	سليمان SULAIMAN	داود DAUD	ذوالكفلي ZULKIFLI
محمد MUHAMMAD	عيسى ISA	يحي YAHYA	زكريا ZAKARIA	يونس YUNUS

RASUL YANG DIGELAR
ULUL AZMI:

Orang yang mempunyai keteguhan semangat dan kekuatan mental, kecekalan kukuh pendiriannya dalam menghadapi apa jua cabaran & dugaan.

1	Nabi Muhamamd Saw
2	Nabi Ibrahim
3	Nabi Musa
4	Nabi Isa
5	Nabi Noh

KESAN BERIMAN KEPADA RASUL

Manusia mendapat petunjuk agama Allah dan memperolehi kebahagiaan didunia dan akhirat



BERIMAN PADA HARI KIAMAT

PENGERTIAN:

Hari Kiamat merupakan hari yang digambarkan sebagai musnahnya seluruh alam dan bumi dan kebangkitan semula.

Kiamat berasal dari perkataan bahasa Arab iaitu **قيام** yang bermaksud bangkit atau bangun.


Sedangkan hari kiamat (kehancuran alam semesta berserta dengan isinya)

DALIL:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ وَأَخْشَوْا يَوْمًا لَا يَجْزِي وَالِدٌ عَنْ وَلَدِهِ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ جَارٌ عَنْ وَالِدِهِ شَيْئًا إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِاللَّهِ الْغُرُورُ

Maksudnya: “Hai manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu dan takutilah suatu hari yang (pada hari itu) seorang bapak tidak dapat menolong anaknya dan seorang anak tidak dapat (pula) menolong bapaknya sedikitpun. Sesungguhnya janji Allah adalah benar, maka janganlah sekali-kali kehidupan dunia memperdayakan kamu, dan jangan (pula) penipu (syaitan) memperdayakan kamu dalam (mentaati) Allah.” (Al-Luqman:33)

TANDA-TANDA HARI KIAMAT:



TANDA-TANDA KECIL (SUGHRA):

Antara tanda-tanda kecil :-

1) Apabila susut dan kurang ilmu pengetahuan agama dengan kematian seseorang yang alim.



2) Apabila merebaknya kejahilan mengenai ilmu agama dengan sebab kurangnya orang suka mempelajarinya.



3) Apabila diserahkan sesuatu urusan agama (Ketua Negara, Mufti atau Kadi) untuk dikendalikan orang yang bukan ahlinya (mahir).

4) Apabila sesuatu masyarakat dipimpin oleh ketua yang fasik yang suka menggalakkan maksiat dan perbuatan durjana




5) Apabila orang yang bersifat benar dikatakan pendusta. Pendusta dikatakan orang yang benar, orang yang khianat disifatkan amanah dan lain-lain lagi.



6) Apabila arak menjadi adat kebiasaan diminum berterangan di sana sini dengan digalakkan pula oleh pemimpin-pemimpin dan ketua mereka.

7) Apabila perbuatan lucah (zina) dan cabul dilakukan dengan berterangan di merata-rata tempat tanpa segan, dan tidak mendapat sebarang teguran.

TANDA-TANDA BESAR (KUBRA)



MAKSUD AL-MASIH PADA DAJJAL

Perkataan al-Masih pada Dajjal adalah berdasarkan kepada hadis Nabi saw yang menyebut berkenaan bacaan untuk berlindung daripada 4 perkara ketika tahiyat akhir.

Daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا تَشَهَّدَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنْ أَرْبَعٍ يَقُولُ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Maksudnya: “Apabila salah seorang daripada kamu bertasyahhud, hendaklah dia meminta perlindungan kepada Allah daripada empat perkara dengan membaca:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada seksa neraka Jahannam, daripada seksa kubur, daripada fitnah kehidupan dan kematian, dan daripada kejahatan fitnah al-Masih al-Dajjal.”

Riwayat Muslim (1352)

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik R.A, Rasulullah SAW bersabda:

...الدَّجَالُ مَمْسُوحُ الْعَيْنِ مَكْتُوبٌ بَيْنَ عَيْنَيْهِ كَافِرٌ...

Maksudnya: “Dajjal itu sebelah matanya terhapus (seolah-olah tidak bermata), tertulis di antara kedua matanya kafir...”

Riwayat Muslim (7550)

Ibn al-Athir Rahimahullah berkata:

سمي الدجال مسيحاً، لأن عينه الواحدة ممسوحة، والمسيح: الذي أحد شقي وجهه ممسوح، لا عين له ولا حاجب

Maksudnya: “Dajjal disebut Masih, kerana salah satu matanya terhapus. Dan al-Masih: ialah orang yang salah satu sisi wajahnya mamsuh (terhapus), tidak ada matanya dan tidak ada kening.” (Lihat Jami’ al-Usul fi Ahadith al-Rasul, 4/203)

Al-Masih al-Dajjal akan muncul dan keluar yang bersifat kebumian dan bukan dari atas yang membawa pelbagai sihir dan kesesatan dan akhirnya al-Masih Isa membunuh al-Masih Dajjal, yakni al-Masih Isa akan membasmi dan membunuh al-Masih al-Dajjal seperti yang dinaskan. Itulah tanda kebesaran Allah bahawa kebenaran akan mengalahkan kebatilan.

KESAN BERIMAN KEPADA HARI KIAMAT



BERIMAN KEPADA QADA' & QADAR

PENGERTIAN:

• Qada'

Dari sudut bahasa Arab, Qada' bermaksud meletakkan dan memutuskan sesuatu hukum.

Manakala dari sudut syarak, Qada' ialah perkara yang diputuskan oleh Allah SWT terhadap segala makhluknya samada dari sudut menciptakannya, meniadakannya, atau mengubahnya.

• Qadar

Dari sudut bahasa Arab, Qadar ialah menetapkan suatu kadar tertentu.

Manakala dari sudut syarak, Qadar ialah perkara yang telah ditetapkan kadarnya oleh Allah SWT semenjak azali, supaya ia terjadi mengikut ilmu-Nya yang mendahului setiap perkara.

Mestilah yakin dan percaya bahawa segala yang berlaku di dalam alam ini, apa yang berlaku kepada dirinya, sama ada disukai atau tidak, sedar atau lupa, baik atau buruk, sengaja atau tidak, sakit atau sihat, jaya atau gagal adalah qada' & qadar Allah swt yang telah ditetapkan.

DALIL:

وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ قَدَرًا مَقْدُورًا


"...Dan adalah ketetapan Allah itu suatu ketetapan yang pasti berlaku."

[Al-Ahzab-33:38]

Sabda Rasulullah saw yang bermaksud:

"Tidak beriman seseorang daripada kamu, sehingga dia beriman dan mengaku bahawa tiada Tuhan melainkan Allah & Nabi Muhammad itu Rasulullah dan dia beriman dengan hari akhirat dan dia beriman dengan qadar Allah sama ada baik atau buruk, manis atau pahit"

PERBEZAAN ANTARA QADA' DAN QADAR



Ini bermakna, Qadar berlaku lebih dahulu daripada Qada', dan kedua-duanya adalah saling lazim-melazimi dan tidak mungkin berpisah.


Ibn al-Athir mengumpamakan dengan mengatakan Qadar adalah asas atau tapak binaan, dan Qada' pula ialah binaan yang dibangunkan di atas asas tersebut.

Sayyid Sabiq melalui kitabnya Aqidah Islam menyebut, telah disebut berulang kali di dalam al-Quran al-Karim masalah qadar atau takdir, antaranya:

•Segala sesuatu terlaksana dengan takdir Tuhan. Firman Allah SWT:

• **وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِمِقْدَارٍ**

• [Maksudnya: Dan segala sesuatu itu di sisi Tuhan adalah ketentuan takdir. (Surah al-Ra'd: 8)]



AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH

Epistemologi Ahli Sunnah Wal-Jama'ah

Istilah al-Sunnah, Rasulullah SAW pernah mengungkapkannya dengan makna wahyu yang selain daripada al-Qur'an. Baginda SAW bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ مَا إِنْ اعْتَصَمْتُمْ بِهِ فَلَنْ تَضِلُّوا أَبَدًا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya: "Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku telah tinggalkan buat kamu (dua perkara) selagimana kamu berpegang dengannya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu Kitabullah dan sunnah Nabi-Nya."

Riwayat al-Baihaqi (20123)

Istilah al-Sunnah juga digunakan untuk merujuk kepada perkara yang mempunyai dalil syarak, sama ada daripada al-Qur'an mahupun sunnah Rasulullah SAW dan ijtihad para sahabat.

Antaranya sabda Baginda SAW:

فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ

Maksudnya: "Hendaklah kamu mengikuti sunnahku dan sunnah para Khulafa' al-Rashidin al-Mahdiyyin."

Riwayat al-Tirmizi (2676)

Pada ketika yang lain, al-Sunnah diucapkan oleh Rasulullah SAW bagi menyerlahkan maksud lawan kepada bid'ah yang dilarang. Antaranya hadis yang menegah tiga orang al-sahabah yang berhasrat untuk bersolat sepanjang malam, berpuasa sepanjang tahun dan menegah diri daripada berkahwin. Baginda SAW lalu bersabda:

أَمَّا وَاللَّهِ إِنِّي لِأَخْشَاكُمْ لِلَّهِ وَأَتَقَاكُمْ لَهُ لِكِنِّي أَصُومُ وَأُفْطِرُ وَأُصَلِّي وَأُرْفُدُ وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ عَن سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي

Maksudnya: "Adapun demi Allah, sesungguhnya aku orang yang paling takut kepada Allah dalam kalangan kamu, paling bertaqwa dalam kalangan kamu kepadanya, namun begitu, aku berpuasa dan berbuka, bersolat dan tidur dan mengahwini wanita. Maka sesiapa yang membenci sunnahku, ia bukan daripada kalanganku."

Riwayat al-Bukhari (4776)

Demikian juga hadis Rasulullah SAW mengenai golongan yang menunggu bintang-bintang muncul sebagai waktu berbuka puasa menerusi sabdanya:

لَا تَزَالُ أُمَّتِي عَلَى سُنَّتِي مَا لَمْ تَنْتَظِرْ بِفِطْرِهَا النُّجُومَ

Maksudnya: "Umatku sentiasa berpegang dengan sunnahku selagi mana ia tidak menunggu bintang-bintang keluar untuk membuka puasanya."

Riwayat Ibn Hibban (3510)

Kesimpulan Bagi Istilah As-Sunnah

Berpandukan dalil-dalil tersebut, jelas menunjukkan perkataan al-Sunnah bukan istilah yang datang kemudian, sebaliknya ia bersumberkan lisan Rasulullah SAW sendiri. Walaupun istilah tersebut tidak terkandung dalam al-Qur'an, namun begitu, terdapat konotasi al-Sunnah yang jelas dalam setiap ayat yang merujuk kepada perintah mengikuti Rasulullah SAW sama ada berbentuk suruhan mahupun larangan. Antaranya, firman Allah SWT:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: “Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya, dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya).”

(Surah al-Hasyr: 7)

UMP

Malaysia
PAHANG



Adapun istilah al-Jama'ah, ia kerap kali digunakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis-hadis Baginda. Hadis yang paling masyhur adalah sabda Baginda:

وَأَنَّ هَذِهِ الْأُمَّةَ سَتَفْتَرِقُ عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَّةً يَغْنِي الْأَهْوَاءَ كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةً وَهِيَ الْجَمَاعَةُ

Maksudnya: "Dan sesungguhnya umat ini akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan (mengikut hawa nafsu), semuanya di dalam neraka kecuali satu iaitu al-Jama'ah."

Riwayat Ibn Majah (3993)

Berdasarkan hadis ini dan beberapa hadis lain, para ulama telah menjelaskan siapakah golongan yang dimaksudkan dengan al-Jama'ah tersebut.

Menurut al-Syatibi, pada umumnya pendapat para ulama mengenai al-Jama'ah berkisar kepada beberapa pengertian.

Pertama, ia bererti golongan majoriti dalam kalangan umat Islam yang terdiri daripada imam mujtahid, para ulama dan ahli syariah dan umat yang mengikut mereka. Sebahagian hadis menyebut mereka sebagai al-sawad al-a'zam.

Kedua, kumpulan para ulama mujtahid.

Ketiga, para sahabat Rasulullah SAW.

Keempat, umat Islam yang bersepakat atau berijmak atas sesuatu perkara. Ia juga kembali kepada golongan pertama atau kedua.

Kelima, umat Islam yang bersatu mentaati seorang pemimpin. (Lihat al-I'tisam, 2/260-265)

Setelah menukikan pendapat-pendapat tersebut, beliau **merumuskan** bahawa apa yang dimaksudkan dengan al-Jama'ah adalah merujuk kepada perhimpunan yang bersatu di bawah pemimpin atau imam yang menepati petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah. (Lihat al-I'tisam, 2/260-265)

Ini jelas menunjukkan bahawa perhimpunan ramai yang bersatu bukan atas dasar kedua-duanya adalah terkeluar daripada apa yang dimaksudkan dengan al-Jama'ah. Dengan kata lain, seandainya sesebuah kumpulan yang ramai itu tidak berada di atas petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah, maka ia tidak boleh dikategorikan sebagai al-Jama'ah.

Sebagaimana ungkapan **Ibn Mas'ud**,

“Al-Jama’ah adalah apa yang menepati kebenaran, sekalipun engkau berseorangan.” (Lihat l’lam al-Muwaqqi’in, 3/397)

Walau bagaimanapun, ungkapan Ibn Mas'ud tersebut dalam konteks sekiranya majoriti umat Islam benar-benar telah rosak dan terkeluar daripada mengikuti manhaj generasi terdahulu yang masih kekal di atas kebenaran. (Lihat l’lam al-Muwaqqi’in, 3/397)

Walau bagaimanapun, ungkapan Ibn Mas'ud tersebut dalam konteks sekiranya majoriti umat Islam benar-benar telah rosak dan terkeluar daripada mengikuti manhaj generasi terdahulu yang masih kekal di atas kebenaran. (Lihat l’lam al-Muwaqqi’in, 3/397)

Hal ini mustahil berlaku apabila melibatkan kesepakatan para ulama mujtahid dalam kalangan umat Muhammad SAW seperti mana sabda Baginda, “Umatku tidak akan bersepakat atas kesesatan.” (Riwayat Ahmad: 27267)

Hadis ini menjadi dalil ke atas keautoritian ijmak para ulama sebagai salah satu daripada sumber hukum yang muktabar di sisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah. (Lihat al-Faqih wa al-Mutafaqqih, 1/408-410)

Ini bermakna Ahli Sunnah Wal-Jamaah tidak menjadikan bilangan majoriti semata-mata sebagai hujah kebenaran sesuatu golongan. Ini kerana, Ahli Sunnah Wal-Jamaah tidak mengambil kira bilangan majoriti sekiranya ia bertentangan dengan petunjuk al-Quran dan al-Sunnah dan tidak diwakili oleh para ulama mujtahid.

Kesimpulan Bagi Istilah Al-Jama’ah

Berdasarkan perbincangan ringkas di atas, **dapat disimpulkan** Ahli Sunnah Wal-Jamaah itu secara umumnya adalah golongan yang bermanhaj seperti berikut:

هم المتمسكون بسنة النبي - صلى الله عليه وعلى آله وسلم - وأصحابه ومن تبعهم وسلك سبيلهم في الاعتقاد والقول والعمل، والذين استقاموا على الاتباع وجانبوا الابتداع، وهم باقون ظاهرون منصورون إلى يوم القيامة فاتباعهم هدى، وخلافهم ضلال

Maksudnya: “Mereka yang berpegang dengan sunnah Nabi SAW, para sahabatnya dan yang mengikut mereka serta berjalan mengikut perjalanan mereka dalam aqidah, ucapan dan amalan. Mereka juga beristiqamah dalam mengikut (sunnah) dan menjauhi bid’ah (munkarah). Mereka kekal, zahir dan didukung sehingga hari kiamat. Maka mengikut mereka mendapat petunjuk sedangkan menyalahi mereka adalah kesesatan”. (Lihat al-Wajiz fi ‘Aqidah al-Salaf, hlm. 36)[1]

Penggunaan Terawal Istilah Ahli Sunnah Wal-Jamaah

Mengenai penggunaan terawal istilah Ahli Sunnah Wal-Jamaah, ia didapati telah wujud sejak zaman para sahabat. Ini terbukti menerusi tafsiran Ibn 'Abbas terhadap surah Ali 'Imran ayat 106:

يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌ

Maksudnya: "(Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri".

Al-Jurjani (Tarikh Jurjan, 132), al-Ajiri (al-Syari'ah, 5/2562) dan al-Lalika'i (Syarh Usul I'tiqad Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah, 1/72) menukilkan sanad daripada Ibn 'Abbas bahawa maksud, "muka (orang-orang) menjadi putih berseri", adalah penganut Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Penggunaannya juga semakin meluas pada zaman salafussoleh sebelum kemunculan Imam Ahmad bin Hanbal (w. 241H) dan Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (w. 324H). Antara para ulama salaf yang didapati telah pun menggunakan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebelum kemunculan Abu al-Hasan al-Ash'ari adalah Ayyub al-Sukhtiyani (w. 131H).


Beliau pernah berkata, "Aku diberitahu mengenai kematian seorang lelaki dalam kalangan Ahl al-Sunnah, (saat itu) aku merasa seakan-akan kehilangan sebahagian anggota tubuhku."

(Lihat Syarh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, 1/59-60)

Seorang lagi ulama salaf iaitu Sufyan al-Thawri (w. 161H) yang pernah dinukilkan perkataannya mengenai Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah. Beliau berkata :


"Berpesan-pesannya dengan Ahl al-Sunnah dengan kebaikan, sesungguhnya mereka itu asing." Di tempat lain beliau berkata, "Betapa sedikitnya Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah."
(Lihat Siyar A'lam al-Nubala', 7/273)

Al-Fudayl bin 'Iyad (w. 187H) turut menyebut mengenai golongan Ahli Sunnah Wal-Jamaah ketika membuat perbandingan dengan golongan Murji'ah dan Jahmiyyah. Beliau mengatakan:



“Golongan Murji’ah berpendapat iman itu ialah perakuan dengan kata-kata tanpa amalan; Jahmiyyah pula berpendapat iman itu ialah makrifah tanpa perakuan dengan kata-kata dan amalan; manakala Ahl al-Sunnah pula mengatakan iman itu ialah makrifah, perakuan dengan kata-kata dan amalan.” (Lihat al-Sunnah, 1/306)

Manakala Ahmad bin Hanbal (w. 241h) pula diriwayatkan pernah menegaskan bahawa:



“Ini adalah mazhab ahli ilmu, ashab al-athar dan Ahl al-Sunnah yang berpegang teguh kepada al-Sunnah yang dikenali jejak langkahnya dan menjadi ikutan umat bermula daripada para al-sahabah Nabi SAW hingga ke hari ini.”
(Lihat Tabaqat al-Hanabilah, 1/204)

Berdasarkan beberapa ungkapan golongan salaf berkenaan, dapat difahami bahawa istilah Ahli Sunnah Wal-Jama'ah telah sedia digunakan oleh para sahabat dan salafussoleh. Ini menunjukkan kewujudannya bukan disebabkan oleh perpecahan politik ataupun digagaskan oleh para ulama terkemudian, namun ia pada hakikatnya merupakan suatu manhaj yang berasal-usul daripada Rasulullah SAW sendiri.

Kedudukan Golongan Bukan Ahli Sunnah Wal-Jamaah di Malaysia

Dalam konteks di Malaysia, golongan yang terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal-Jamaah dihukumkan sebagai sesat. Ini sebagaimana takrifan ajaran sesat yang diberikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) seperti berikut:

“Ajaran sesat adalah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran atau amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan ajaran Islam, sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada ajaran Islam yang berdasarkan al-Qur’an dan al-Sunnah (iaitu hadis sahih) serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah”.

(Lihat Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia, 57)

Sebagai contoh, dalam kes menangani penyebaran Syiah di Malaysia, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 di Pulau Pinang telah memutuskan bahawa:

Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak;

Memperakukan pindaan kepada semua Undang-undang Negeri yang berhubung dengan hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif “Hukum Syarak” atau “Undang-undang Islam” seperti berikut:

“Hukum syarak” atau “Undang-undang Islam” ertinya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak”


Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-undang Islam; dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang;

Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam Hukum Syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja;

Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

KESIMPULAN:

Penetapan fatwa ini sesuai dengan konsep maqasid syariah yang meletakkan objektif pertama adalah memelihara agama. Dalam konteks sebuah negara, sememangnya tanggungjawab memelihara keluhuran dan kesucian agama terletak di bahu pemerintah. Di sini, pihak berkuasa agama kerajaan Islam berperanan menjalankan prinsip hirasat al-din wa 'imarat al-dunya (pemeliharaan agama dan pembangunan duniawi) berteraskan siyasah syar'iyah. Menurut Ibnu 'Aqil; siyasah syar'iyah itu ialah apa jua perbuatan yang mampu mendekatkan manusia (rakyat) kepada kebaikan dan menjauhkan mereka daripada kebinasaan walaupun tidak disyariatkan oleh Rasulullah SAW dan tidak diturunkan oleh wahyu. (Lihat 'Ilam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin, 6/26)



Universiti
Malaysia
PERANG
Engineering • Technology • Creativity




ISU SEMASA BERKAITAN AQIDAH

PEMIKIRAN KONTROVERSI SEMASA

LIBERALISME:

Satu bentuk fahaman sekularisme, iaitu memisahkan aspek agama dan membolehkan sesuatu tindakan atau amalan bebas dari ketentuan agama.


CIRI-CIRI LIBERALISME:




SEKULARISME:

- **Sekularisme** bermakna satu fahaman yang memisahkan agama dari kehidupan ini, khususnya kehidupan bernegara.
- Agama adalah masalah peribadi yang tidak mempunyai kaitan dengan negara. Manusia adalah bebas dari asuhan agama dan ketetapan dari Yang Maha Kuasa.
- Sekularisme menentang sebarang pengaruh agama dan manusia bebas menentukan kepercayaan dan arah haluan hidupnya sendiri.

PENGARUH SEKULARISME TERHADAP ISLAM:



PLURALISME:



PANDANGAN AGAMA TENTANG PLURALISME:

Islam menghargai toleransi agama lain tetapi tidak menganggap semua agama adalah sama. Dengan erti kata lain Islam tidak menganggap bahawa Tuhan yang disembah oleh orang Islam adalah Tuhan yang disembah oleh agama lain. Penyelesaian Islam terhadap pluralisme agama adalah dengan mengakui perbezaan dan identiti agama masing-masing (**lakum diinukum wa liya diin** atau *untuk kamu agama kamu dan untuk aku agamaku*) [Al Kaafiruun:6]

ATEISME:

Ateisme menurut Oxford Dictionaries adalah merujuk kepada ketidakpercayaan atau kurang kepercayaan tentang kewujudan Tuhan atau tuhan-tuhan.

Secara etimologinya, perkataan "atheism" berasal daripada perkataan Greek atheos; "a" bermaksud tanpa dan "theos" bermaksud tuhan-tuhan. Lawan bagi ateisme adalah teisme iaitu fahaman yang mempercayai dan mengimani akan wujudnya tuhan.

Pandangan al-Qur'an tentang Ateisme

Firman Allah Taala:

وَقَالُوا مَا هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَا إِلَّا الدَّهْرُ وَمَا لَهُم بِذَلِكَ مِنْ عِلْمٍ إِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ

Maksudnya: Dan mereka berkata: "Tiadalah hidup yang lain selain daripada hidup kita di dunia ini. Kita mati dan kita hidup (silih berganti); dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan edaran zaman". Pada hal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang hal itu; mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata.

(Surah al-Jathiah: 24)

Pandangan Ulama' Kontemporari Tentang Ateisme

Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam al-Fiqh al-Awlawiyyat mengkritik fahaman Ateisme dengan menyatakan bahawa penganutnya tidak mempercayai konsep ketuhanan, kenabian dan pembalasan hari kiamat. Mereka sama dengan golongan yang digambarkan oleh firman Allah SWT,

وَقَالُوا إِنْ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا وَمَا نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ

Maksudnya: "Dan tentulah mereka akan berkata pula: "Tiadalah hidup yang lain selain dari hidup kita di dunia ini, dan tiadalah kita akan dibangkitkan semula sesudah kita mati".

CIRI FAHAMAN ATEISME:

Menolak secara mutlak wujudnya Tuhan atau segala yang bersifat Ilahiah

Menetapkan hujah bahawa tiada bukti wujudnya Tuhan dan kegagalan sains mengesahkannya sebagai asas kepada penolakan tersebut.


Meyakini bahawa hidup adalah satu proses di mana tiada ruang untuk menerima kewujudan Tuhan.

**BAHAYA FAHAMAN
ATEISME**
DI KALANGAN ANAK MUDA MALAYSIA


◆ 60% PELAJAR UNIVERSITI TERLIBAT DALAM FAHAMAN ATEIS ◆
◆ KOMUNITI ATEIS DALAM TALIAN BERGERAK AKTIF MELINDUNGI GOLONGAN INI ◆

MURTAD:

Sesuatu perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan oleh seseorang Islam yang mukallaf dimana perbuatan atau perkataan itu menyebabkan seseorang tadi keluar dari Islam.



ISLAMOFOBIA:



IBADAH

BAB 1: BERSUCI

SUDUT SYARA': Perbuatan yang mengharuskan solat atau seumpamanya seperti berwuduk kepada sesiapa yang belum berwuduk, mandi kepada sesiapa yang diwajibkan mandi dan menghilangkan najis daripada pakaian, badan dan juga tempat.

AIR YANG BOLEH DIBUAT BERSUCI:



AIR SUNGAI



AIR LAUT



AIR HUJAN



AIR PERIGI



AIR MATA AIR




AIR SALJI



AIR EMBUN

BAHAGIAN AIR:



JENIS BERSUCI:

- I. Bersuci daripada najis
- II. Bersuci daripada hadas

I) BERSUCI DARIPADA NAJIS

Segi Syara': Benda kotor yang menghalang sah solat, seperti darah & kencing

Benda- benda najis terlalu banyak. Paling utama mempunyai 7 perkara:-



NAJIS 'AINI & NAJIS HUKMI:

Najis 'Aini: Semua najis yang berjirim yang dapat dilihat atau mempunyai sifat zahir iaitu warna atau bau seperti tahi, kencing dan darah.

Najis Hukmi: Semua najis yang telah kering dan kesannya telah hilang. Dengan kata lain, kesan warna atau bau najis tersebut tidak ada lagi. Contohnya baju yang terkena kencing kemudian ia kering dan kesannya tidak zahir lagi.

PEMBAHAGIAN NAJIS:

BIL	JENIS NAJIS	MAKSUD	CARA MENYUCIKAN
1	NAJIS MUKHAFFAFAH (najis yang ringan)	Air kencing kanak-kanak lelaki yang masih belum berumur 2 tahun (<i>hijriyyah</i>) yang hanya minum susu ibu sahaja.	<ul style="list-style-type: none"> Memadai dengan hanya memercikkan dan meratakannya ke semua tempat najis walaupun tanpa mengalirkannya.
2	NAJIS MUTTAWASSITAH (najis pertengahan)	Selain daripada najis mukhaffafah dan mughallazah seperti : <ul style="list-style-type: none"> Darah Nanah Muntah Najis haiwan Air Kencing Wadi (air yang keluar daripada kemaluan orang yang bekerja berat) Bangkai Mazi (air yang keluar daripada kemaluan lelaki mahupun wanita semasa naik syahwat) Cecair yang memabukkan Susu binatang yang tidak halal dimakan 	<ul style="list-style-type: none"> Hendaklah dicuci dengan air mutlak dengan mengalirkan air ke atasnya dan menghilangkan tiga perkara seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> ❖ 'Ainnya/zatnya/war nanya ❖ Baunya ❖ Rasanya Sama ada <i>najis 'aini</i> atau <i>najis hukmi</i> Sama ada terkena pada pakaian, badan atau tempat
3	NAJIS MUGHALLAZAH (najis yang berat)	Najis babi, anjing dan keturunan daripada kedua binatang tersebut termasuklah daging, darah, air kencing, air liur, peluh, lemak, tulang atau badannya yang basah.	<ul style="list-style-type: none"> membasuhnya sebanyak 7 kali. Salah satu daripada tujuh basuhan itu hendaklah air yang dicampurkan dengan tanah. Sebelum itu hendaklah dihilangkan tiga perkara iaitu : <ul style="list-style-type: none"> ✓ Warna ✓ Bau ✓ Rasa

CARA MENYUCIKAN KULIT BANGKAI SELAIN ANJING & BABI:

Kulit bangkai tersebut disucikan dengan cara disamak, iaitu membuang segala lendir pada kulit yang boleh merosakkannya jika dibiarkan dengan menggunakan bahan panas & tajam hingga tidak berbau busuk & rosak sekiranya direndam dalam air.


ISTINJAK

ISTINJAK ialah menghilangkan najis atau mengurangkannya daripada tempat keluar air kecil atau air besar.

HUKUM BERISTINJAK:

Hukumnya **wajib** sama ada dengan air atau dengan batu tetapi menggunakan kedua-duanya sekali adalah lebih afdal (baik)

ALAT- ALAT BERISTINJAK:



AIR MUTLAK



BATU



TISU



DAUN KERING



KULIT KAYU

- Cara istinjaq yang afdhal ialah beristinjaq dengan batu dan seumpamanya terlebih dahulu, kemudian menggunakan air. Kerana batu boleh menghilangkan *ain* najis manakala air boleh menghilangkan kesannya.
- Sekiranya ingin menggunakan satu daripada kedua-duanya, maka air adalah afdhal kerana ia boleh menghilangkan *ain* najis dan kesannya.

BERISTINJAK DENGAN BATU:

Syarat- syarat beristinja menggunakan batu

1. Najis itu tidak beralih dari qubul & dubur

2. Najis masih belum kering

3. Tidak ada benda-benda asing yang melekat di kemaluan

4. Batu hendaklah kering

Perkara sunat beristinja dengan batu

1. Disunatkan beristinja dengan bilangan ganjil sama ada tiga, lima, tujuh kali dan seterusnya.

2. Disunatkan juga supaya menggunakan tangan kiri

BERISTINJAK DENGAN AIR:

- Dibersihkan sehingga hilang bau, rasa, zat dan warnanya.

Maksudnya: "Ya Allah, bersihkan hatiku daripada sifat munafik dan peliharalah kemaluanku daripada kejelekan (kekotoran)"


(Doa selepas istinja)

II) BERSUCI DARIPADA HADAS

SEGI SYARA': Kejadian yang dianggap wujud pada anggota manusia yang menghalang sah solat dan ibadat yang lain yang bersamaan hukumnya selagi tidak diberikan keringanan.

Hadas juga bermaksud perkara membatalkan wuduk dan mewajibkan mandi.


PEMBAHAGIAN HADAS:



PERKARA YANG HARAM DILAKUKAN BAGI ORANG YANG BERHADAS BESAR & HADAS KECIL:




WUDUK




PERKARA YANG DISYARATKAN WUDUK:




SYARAT SAH WUDUK:




RUKUN WUDUK:



PERKARA MAKRUH KETIKA WUDUK:



PERKARA YANG MEMBATALKAN WUDUK:




MANDI

PENGERTIAN MANDI:

MENURUT SYARA': Mengalirkan air ke atas badan dengan niat yang tertentu

BAHAGIAN MANDI:



1) MANDI WAJIB:

- JANABAH
- HAID
- WILADAH (BERSALIN)
- NIFAS
- MENINGGAL DUNIA

JANABAH:

- Keluar air mani atau berlakunya persetubuhan.


SEBAB-SEBAB JANABAH:

1) Keluar air mani; sama ada lelaki atau perempuan dengan apa-apa sebab sama ada bermimpi, bercumbuan, melihat seseorang dengan bersyahwat atau berkhayal.



2) Jima'(persetubuhan) walaupun tidak keluar air mani.


PERKARA YANG DIHARAMKAN KETIKAH JANABAH:



➤ HAID:

SEGI SYARA': Darah semulajadi yang normal, keluar dari pangkal rahim perempuan yang telah baligh dalam keadaan sihat pada waktu tertentu.

TEMPOH KELUAR HAIDH:



PERKARA YANG DIHARAMKAN KERANA HAID:



ISTIHADHAH:

- Darah penyakit yang keluar melalui urat di hujung rahim yang dikenali sebagai al-'Azil.
- Darah ini membatalkan wuduk tetapi tidak mewajibkan mandi, bahkan wajib untuk solat dan puasa.
- Perempuan yang istihadhah hendaklah membasuh darahnya dan menukar alas, berwuduk setiap kali solat fardhu dan bersolat.

JENIS DARAH ISTIHADHAH:

1) Darah yang keluar dari rahim gadis yang belum berumur sembilan tahun (baligh).

2) Darah yang keluar dari rahim perempuan kurang daripada sehari semalam (kurang daripada 24jam).

3) Darah yang keluar dari rahim perempuan lebih daripada 15 hari.

4) Darah yang keluar dari rahim perempuan yang melahirkan lebih dari 60 hari.

5) Darah yang keluar dari rahim perempuan sebelum habis masa suci 15 hari.

CARA WUDUK & SOLAT BAGI PEREMPUAN YANG MENGALAMI

ISTIHADHAH:

- 1- Mencuci darah *istihadhah* sebersih-bersihnya. Menutupi dengan kapas untuk menahan darah daripada melimpah keluar. Jika berpuasa, dilarang menutupi dengan kapas, mencukupi sekadar memakai alas. Jika darah masih keluar, ia dimaafkan kerana masyaqqah (kesusahan).
- 2- Perbuatan di atas wajib diulangi setiap kali hendak solat. Wuduk juga wajib diulangi setiap kali hendak solat fardhu.
- 3- Wuduk hendaklah dilakukan selepas masuk waktu solat. Tidak sah berwuduk jika belum masuk waktu solat.
- 4- Sekali wuduk hanya boleh digunakan untuk satu solat fardhu sahaja.
- 5- Boleh solat sunat sebanyak mana rakaat dengan satu wuduk itu.
- 6- Solat hendaklah dilakukan segera selepas berwuduk dan tidak boleh ditunda.
- 7- Orang yang berpenyakit kencing tidak lawas pun sama keadaan dalam perkara ini.

JENIS-JENIS DARAH WANITA


➤ WILADAH (BERSALIN):

- Darah yang keluar ketika melahirkan anak.
- Perempuan yang bersalin adakalanya tidak keluar darah.
- Hukumnya sama dengan *janabah* kerana anak tersebut terjadi daripada air mani lelaki dan perempuan. Hukumnya tetap sama walaupun berbeza anak yang dilahirkan atau cara melahirkannya.

➤ NIFAS:

SYARA': Darah yang keluar selepas kelahiran anak. Ia dinamakan nifas kerana keluar selepas kelahiran satu jiwa.

➤ TEMPOH NIFAS:



RINGKASAN DARAH YANG KELUAR DARI RAHIM PEREMPUAN:

JENIS DARAH	MAKSUD	PALING SEDIKIT	KEBIASAAN	PALING LAMA
Haid	Darah yang keluar dari Rahim wanita dengan cara biasa/sihat. Warnanya kehitam-hitaman, terasa panas dan diikuti rasa sakit pada perut.	Sehari semalam (24 jam) 15 hari (masa suci)	6-7 hari (seminggu) 24 atau 23 hari (masa suci)	15 hari beserta malamnya. Tiada batas masa suci.
Nifas	Darah yang keluar setelah melahirkan.	Satu <i>majjah</i> (pancutan)	40 hari	60 hari
Istihadhah	Darah yang keluar selain hari-hari haid dan nifas			

➤ MENINGGAL DUNIA:

- Mayatnya menjadi fardhu kifayah dimandikan oleh orang Islam.
- Orang yang memandikan mayat wajib berniat memandikannya.
- Orang yang mati syahid tidak dimandikan.

2) MANDI SUNAT

- Mandi yang sah solat tanpanya.
- Syara' menghukumkannya sunat dan digalakkan untuk tujuan-tujuan tertentu.

1) Mandi Sunat Jumaat

2) Mandi Sunat 2 Hari Raya

3) Mandi Sunat Gerhana Matahari

4) Mandi Sunat Minta Hujan

5) Mandi Kerana Memandikan Mayat

6) Mandi Sunat yang Berkaitan dengan Ibadat Haji/Umrah

CARA MANDI:

I) Cara Mandi Wajib:

1) Berniat ketika mula mandi, iaitu ketika air mengenai badan.

2) Membasahkan semua anggota badan yang zahir, kulit dan rambut serta meratakan air pada rambut hingga ke hujungnya.

II) Perkara Sunat Dalam Mandi Wajib:

1) Membasuh kedua-dua belah tangan di luar bekas air, kemudian membasuh kemaluan dan kotoran di badan dengan tangan kiri.

2) Berwuduk dengan sempurna namun membasuh kaki tidak mengapa dikemudiankan selepas selesai mandi.

3) Menyelati rambut dengan air kemudian membasuh kepala sebanyak 3 kali.

4) Menjirus bahagian badan sebelah kanan diikuti sebelah kiri.

5) Menggosok badan dan berturut-turut antara basuhan anggotanya

6) Menyempurnakan basuhan pada lipatan anggota badan seperti dua telinga, lipatan perut, ketiak dan di dalam lubang pusat. Perbuatan ini wajib sekiranya kuat sangkaan bahawa air tidak akan sampai ke tempat tersebut.

7) Mengulangi basuhan sebanyak 3 kali

TAYAMMUM

Tayammum ialah **menyapu debu tanah yang suci ke muka dan kedua dua belah tangan** dengan niat dan syarat- syarat tertentu.

SEBAB-SEBAB TAYAMMUM:

- ❖ Air benar-benar tidak ada
- ❖ Jarak tempat yang ada air jauh daripadanya
- ❖ Terhalang daripada menggunakan air sama ada halangan yang nyata (disebabkan penyakit, ada musuh dll)
- ❖ Cuaca yang sangat sejuk (tidak mampu memanaskannya)

SYARAT SAH TAYAMMUM:

1) Hendaklah menggunakan debu tanah

2) Hendaklah debu tanah itu suci

3) Hendaklah debu tanah itu bukan *musta'mal*

4) Hendaklah debu tersebut tidak bercampur dengan benda lain seperti tepung atau selainnya

5) Hendaklah orang yang bertayammum berniat menggunakan debu tersebut dengan tujuan tayammum

6) Hendaklah menyapu muka dan kedua tangannya dengan 2 kali tepuk

7) Hendaklah menghilangkan najis terlebih dahulu

8) Hendaklah dilakukan tayammum setelah masuk waktu solat

9) Hendaklah bertayammum pada setiap kali solat fardu

RUKUN TAYAMMUM:



PERKARA SUNAT TAYAMMUM DAN MEMBATALKAN TAYAMMUM:



KEADAAN SOLAT YANG DIDIRIKAN DENGAN TAYAMMUM:

- 1) Jika solat di tempat yang biasanya memang tidak ada air, maka solatnya tidak perlu diulang.
- 2) Jika di tempat itu kadang-kadang ada air, kadang-kadang tidak, sama banyak antara ada air atau tidak, maka solatnya tidak perlu diulang.
- 3) Jika di tempat itu biasanya ada air, tiba-tiba tidak ada air, maka solatnya perlu diulang apabila ada air kerana solat itu adalah untuk menghormati waktu sahaja.

HAD PENGGUNAAN TAYAMMUM:

- 1) Satu tayammum hanya untuk satu solat fardhu.
- 2) Satu tayammum hanya untuk satu solat yang dinazarkan.
- 3) Satu tayammum hanya untuk satu tawaf sahaja.
- 4) **Tidak sah** menghimpunkan satu tayammum untuk tawaf fardhu dan solat fardhu.
- 5) **Tidak sah** menghimpunkan satu tayammum untuk khutbah Jumaat dengan solat Jumaat.
- 6) Harus menghimpunkan satu tayammum untuk satu solat fardhu dengan solat mu'adah (yang diulang).
- 7) Harus menghimpunkan satu tayammum untuk satu solat fardhu dengan beberapa solat sunat.

CARA BERNIAT:

i) نويت التيمم لاستباحة فرض الصلاة لله تعالى

“Sahaja aku bertayammum untuk mengharuskan solat fardhu kerana Allah taala.”

- Maka solat fardhu dan semua ibadah sunat yang wajib bersuci seperti memegang Al-Quran, solat sunat, tawaf sunat boleh dilakukan dengannya.

ii) نويت التيمم لاستباحة مس القرآن لله تعالى

“Sahaja aku bertayammum untuk mengharuskan solat kerana Allah taala.”

- Maka solat sunat, tawaf, solat jenazah boleh dilakukan kecuali solat fardhu ain.

iii) نويت التيمم لاستباحة مس القرآن لله تعالى

“Sahaja aku bertayammum untuk mengharuskan memegang Al-Quran kerana Allah taala.”

- Maka semua ibadah boleh dilakukan dengannya kecuali solat dan tawaf.

CARA-CARA BERTAYAMMUM:

Langkah 1



TEPUK TANGAN PADA DEBU

Langkah 2




SAPU MUKA

Langkah 3



BERSIHKAN TANGAN DARI DEBU

Langkah 4



TEPUK TANGAN SEKALI LAGI PADA DEBU

Langkah 5

SAPU TANGAN KANAN

1



2



3



4



5



6




7




Langkah 6

SAPU TANGAN KIRI (ULANGI LANGKAH SEPERTI TANGAN KANAN)



Langkah 7

SELESAI DAN BOLEH MEMULAKAN SOLAT



BAB 2: SOLAT

MAKNA SOLAT:

SEGI SYARA': Perbuatan dan perkataan yang dimulai dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam berserta syarat-syarat yang tertentu.

SYARAT WAJIB SOLAT:



INFO:

- 1) Orang kafir yang masuk Islam tidak wajib mengqada' solat
- 2) Orang murtad wajib mengqada' solat yang ditinggalkan semasa murtad apabila kembali kepada Islam

SUTRAH BAGI ORANG YANG SOLAT:

- Sunat bagi orang yang solat meletakkan sesuatu di hadapannya untuk menghalang orang daripada melintas di hadapannya ketika solat.
- Haram melalui di kawasan antara orang yang solat dengan *sutra*.

SOLAT MENGHORMATI WAKTU:

- Solat ini dikerjakan dalam keadaan seseorang yang belum mengerjakan solat dan belum berwuduk, sedangkan waktu solat hampir sangat hendak habis. Solat ini akan diqada'kan semula.

SYARAT SAH SOLAT:




RUKUN SOLAT:



SUNAT- SUNAT DALAM SOLAT:

I) SUNAT SEBELUM BERSOLAT



II) SUNAT SEMASA BERSOLAT:



Sunat Ab'adh:



Sunat Hai'ah:




MAKRUH DALAM SOLAT:



PERBEZAAN ANTARA LELAKI DAN PEREMPUAN KETIKA SOLAT:

LELAKI	PEREMPUAN
Merenggangkan kedua belah siku dengan rusuk ketika ruku', sujud, ketika mengangkat takbiratul ihram takbir al-intiqalat	Merapatkan sebahagian daripada anggotanya seperti merapatkan kedua belah siku dengan rusuk ketika ruku' dan sujud. Begitu juga dengan ketika takbiratul ihram dan takbir intiqalat.
Disunatkan membaca dengan kuat/nyaring ketika solat pada solat yang dibaca dengan nyaring	Merendahkan suaranya ketika membaca bacaan dalam solat untuk mengelakkan fitnah
Jika berlaku sesuatu di dalam solat contohnya menegur kesilapan imam, disunatkan bertasbih (subhanallah) dengan suara yang tinggi dengan niat zikrullah	Menepuk dengan memukul belakang tapak tangan kirinya dengan menggunakan tangan kanan
Aurat lelaki antara pusat dan lutut	Seluruh anggota badan perempuan adalah aurat kecuali muka dan tapak tangan
	Menebalkan jilbabnya dan merenggangkan jilbabnya ketika rukuk dan sujud untuk mengelakkan daripada dilihat bentuk badan dengan jelas

PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT:




SUJUD SAHWI:

SAHWI: Kecacatan solat yang dilakukan seseorang ketika bersolat sama ada disengajakan atau terlupa.

HUKUM SUJUD SAHWI:

Sunat sujud sahwī apabila terjadi satu daripada sebab-sebabnya namun solat tidak batal jika tidak melakukannya.

SEBAB-SEBAB SUJUD SAHWI:



LAFAZ SUJUD SAHWI:

سُبْحَانَ مَنْ لَا يَنَامُ وَلَا يَسْهُو.

Maksudnya: "Maha Suci Tuhan yang tidak tidur dan tidak lupa."


Cara sujud dan tempatnya:

Pada akhir solat sebelum salam dan sujud sebanyak 2 kali dengan niat untuk sujud *sahwi*

SUJUD TILAWAH:

Sunat, bagi orang yang membaca ayat al-Quran yang mengandungi perkataan Sajdah sama ada semasa di dalam solat atau di luarnya.

RUKUN SUJUD TILAWAH:



(Cara sebegini jika ia dilakukan ketika dalam solat. Di luar solat, rukunnya hanya sujud dan niat)



LAFAZ SUJUD TILAWAH:

سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ، وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ
بِحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ، فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ

SUJUD SYUKUR:

{ Sujud yang dilakukan ketika mendapat atau menerima suatu nikmat atau terselamat daripada malapetaka }

CARA SUJUD SYUKUR:



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity

SOLAT BERJEMAAH

Ia adalah solat yang didirikan oleh sekurang-kurangnya 2 orang , seorang menjadi imam dan seorang makmum

SYARAT SAH SOLAT BERJEMAAH

1) Hendaklah makmum tidak mengetahui solat imam batal kerana hadas atau kerana lainnya

2) Hendaklah imam ketika itu bukan menjadi makmum (kepada imam lain)

3) Hendaklah imam bukan seorang yang ummi (tidak boleh membaca) manakala makmum tidak ummi

4) Hendaklah makmum tidak boleh lebih terkehadapan daripada imam pada tempat berdiri

5) Hendaklah makmum tahu perpindahan imam

6) Hendaklah imam dan makmum berkumpul dalam satu masjid atau lebih kurang 300 hasta

7) Hendaklah makmum berniat mengikut imam atau berjemaah


8) Hendaklah urutan solat yang dikerjakan imam dan makmum adalah sama

9) Hendaklah makmum tidak menyalahi imam dalam perkara sunat, yang kelihatan tidak elok jika tidak mengikut imam


10) Hendaklah makmum mengikut perbuatan imam

KEADAAN SOLAT BERJEMAAH:

1) IMAM YANG SAH DIKUTI




SOLAT MUSAFIR



I) QASAR

- Memendekkan iaitu memendekkan solat 4 rakaat menjadi 2 rakaat
- Solat Zohor, Asar & Isyak menjadi 2 rakaat

SYARAT-SYARAT SOLAT QASAR:



INFO:

2 Marhalah:
Antara 85 km –
90 km atau 56
batu

II) JAMA'

Menghimpunkan solat Zohor & Asar atau solat Maghrib dan Isyak

PEMBAHAGIAN JAMA':


1) Jama' Taqdim
Menghimpunkan dalam waktu pertama (Zuhur atau Maghrib)

2) Jama' Ta'khir
Menghimpunkan dalam waktu kedua (Asar atau Isyak)


SEBAB-SEBAB SOLAT JAMAK:

1. **Safar (musafir):** Dbolehkan Jama' Taqdim & Jama' Ta'khir
2. **Sakit:** Dbolehkan Jama' Taqdim & Jama' Ta'khir

SYARAT-SYARAT SAH JAMA' TAQDIM:




SYARAT-SYARAT SAH JAMA' TA'KHIR:



JAMA' QASAR:

Menghimpunkan 2 solat dan memendekkannya.

PEMBAHAGIAN JAMA' QASAR:



* Orang musafir boleh memilih mana-mana cara solat ini atau jika ingin menunaikan secara sempurna juga boleh

* jama taqdim ketika solat jumaat

KETERANGAN:

1) Seseorang yang musafir boleh menunaikan solat secara qasar atau jama', atau qasar jama' apabila masih dalam perjalanan

2) Apabila dia telah sampai di tempat yang ditujuinya dan berada di situ kurang daripada 4 hari (tidak termasuk perjalanan pergi dan balik) dia boleh memilih untuk qasar atau jamak, atau qasar jama'

CONTOH SITUASI:

SITUASI 1

Umar bertolak dari Kuala Lumpur menuju ke Kelantan pada hari Isnin. Dia akan balik semula ke Kuala Lumpur pada hari Jumaat. Ini bermakna, Umar akan berada di Kelantan selama 3 hari, tidak termasuk hari pergi (Isnin) dan hari balik (Jumaat). Bolehlah dia menunaikan solatnya secara qasar atau jamak, atau qasar jamak.

**Umar sudah ada perancangan hendak duduk di tempat yang ditujuinya itu lebih daripada tempoh tersebut, dia tidak boleh qasar atau jama', atau qasar jama' apabila sampai sahaja di tempat tersebut.*

SITUASI 2


Umar bertolak dari Kuala Lumpur menuju ke Kelantan pada hari Isnin. Dia akan balik semula ke Kuala Lumpur pada hari Ahad. Ini bermakna, Umar akan berada di Kelantan selama 5 hari, tidak termasuk hari pergi (Isnin) dan hari balik (Ahad). Oleh itu, dia tidak boleh menunaikan solatnya secara qasar atau jama', atau qasar jama' sebaik tiba di destinasi kerana dia dianggap bermukim.

SITUASI 3


Sekiranya Umar berada di Kelantan, urusan Umar yang dijangka selesai pada sehari, dua hari atau tiga hari, tetapi tidak selesai juga, dia dianggap masih dalam musafir dan boleh menunaikan solatnya secara qasar atau jama', atau qasar jama' selama 18 hari.

SOLAT JUMAAT


SYARAT WAJIB SOLAT JUMAAT:




SYARAT SAH SOLAT JUMAAT:




RUKUN SOLAT JUMAAT:



RUKUN KHUTBAH:




SYARAT SAH KHUTBAH (KHATIB):



BAB 3: JENAZAH

KEWAJIPAN ORANG HIDUP KEPADA ORANG MATI:



KEWAJIPAN: FARDHU KIFAYAH

Kewajipan ini akan gugur jika ia telah dilakukan oleh sebahagian orang Islam yang lain

CARA MEMANDIKAN JENAZAH:

CARA PALING RINGKAS:

- Meratakan seluruh badannya dengan air.

CARA PALING SEMPURNA:

- Membersihkan qubul & dubur mayat
- Membuang korotan yang ada di hidung
- Mewudukannya
- Menggosok badannya dengan daun bidara
- Menyiramkan tubuh badannya dengan air sebanyak 3 kali

PERKARA-PERKARA SUNAT KETIKA MEMANDIKAN JENAZAH:

- I. Dilakukan dalam ruang yang tertutup
- II. Orang yang memandikan jenazah dan orang yang membantunya adalah kaum kerabat
- III. Menggunakan kain supaya tidak terbuka aurat
- IV. Mayat diletakkan di tempat yang tinggi
- V. Menggunakan air yang tidak panas kecuali ada keperluan
- VI. Wajah jenazah ditutup dengan kain
- VII. Orang yang memandikan tidak melihat aurat jenazah kecuali kadar yang perlu

CARA MENGKAFANKAN JENAZAH:

CARA PALING RINGKAS:

- ❖ Satu pakaian yang cukup untuk menutup badannya

CARA PALING SEMPURNA:

Lelaki:

- ❖ 3 helai kain

Perempuan:

- ❖ 5 helai kain
- Sehelai kain untuk baju kurung
- Sehelai kain tudung
- Sehelai kain izar (kain yang menutup anggota tubuh jenazah di bawah pusat)
- 2 helai kain pakaian (untuk menutup keseluruhannya badannya)

RUKUN SOLAT JENAZAH:

- 1) Niat
- 2) 4 kali takbir
- 3) Berdiri bagi orang yang mampu
- 4) Membaca surah Al-Fatihah
- 5) Berselawat ke atas Nabi saw setelah takbir kedua
- 6) Berdoa untuk mayat setelah takbir ketiga
- 7) Salam



Lafaz niat solat jenazah mayat perempuan.


أَصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ
فَرَضَ كِفَايَةَ لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku solat keatas ini mayat perempuan empat takbir fardhu kifayah kerana Allah taala".


Lafaz niat solat jenazah mayat lelaki.

أَصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ
فَرَضَ كِفَايَةَ لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku solat keatas ini mayat lelaki empat takbir fardhu kifayah kerana Allah taala".



SYARAT-SYARAT SAH SOLAT JENAZAH:



SOLAT GHAIB:

- Solat ghaib adalah solat yang dilakukan untuk jenazah atau mayat yang berada di negeri atau daerah lain, baik dekat mahupun jauh.
- Ia dibolehkan oleh syarak.
- Cara melaksanakan solat ghaib adalah sama dengan solat jenazah yang hadir

CARA MENGEBUMIKAN JENAZAH:

CARA PALING RINGKAS:

- Memadai dengan lubang yang dapat menghalang bau mayat dan dapat melindungi daripada binatang luas

CARA SEMPURNA:

- Ukuran dalamnya sedalam orang yang berdiri dan mengangkat tangan
- Pipi mayat diletakkan di tanah dan wajib dihadapkan mukanya ke arah kiblat

KEADAAN YANG DIBOLEHKAN UNTUK MENGGALI SEMULA KUBUR:

1) Untuk memandikan jika jasadnya belum berubah

2) Untuk dihadapkan mukanya ke arah kiblat

3) Untuk mengambil harta yang tertanam bersama mayat

4) Untuk menyelamatkan janin yang dikuburkan bersama mayat jika ada kemungkinan janin tersebut masih hidup




Universiti
Malaysia
PAHANG




BAB 4: ZAKAT

ZAKAT YANG WAJIB DIKELUARKAN:



SYARAT WAJIB ZAKAT:



HARTA YANG WAJIB DIKELUARKAN ZAKAT:



SYARAT – SYARAT WAJIB ZAKAT FITRAH:

- 1) Islam
- 2) Terbenam matahari pada hari terakhir bulan Ramadan
- 3) Ada lebih makanan untuk dirinya dan keluarga pada hari raya itu

WAKTU MENGELUARKAN ZAKAT:

WAJIB	Setelah terbenam matahari akhir bulan bulan Ramadan
SUNAT	Selepas solat Subuh sehingga imam hendak mendirikan solat sunat Hari Raya
HARUS	Bermula daripada 1 Ramadan
MAKRUH	Setelah solat Hari Raya sehingga terbenam matahari Hari Raya
HARAM	Setelah terbenam matahari Hari Raya

KADAR ZAKAT FITRAH:

- 2 7/10 kg atau 3 1/2 liter

MEMBAYAR ZAKAT DENGAN DUIT:

- ❖ Membayar zakat fitrah dengan duit seperti yang di amalkan di Malaysia adalah mengikut mazhab Hanafi.
- ❖ Mazhab Syafi'i, zakat fitrah pada asalnya tidak boleh ditukarkan dengan duit mengikut harga beras.

ASNAF ZAKAT:

- 1) Orang fakir
- 2) Orang miskin
- 3) Para amil
- 4) Muallaf
- 5) Hamba sahaya
- 6) Orang yang mempunyai hutang
- 7) Orang yang berperang untuk agama Allah
- 8) Musafir yang kehabisan bekal dalam perjalanan

BAB 5: PUASA

MAKNA PUASA

SEGI SYARA': Menahan diri daripada makan, minum dan segala yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar (masuk waktu Subuh) sehingga tenggelamnya matahari (masuk waktu Maghrib)

HUKUM PUASA:

I. WAJIB:

- Puasa Ramadan
- Puasa qada' bulan Ramadan
- Puasa Kaffarah termasuk zihar, membunuh dan melakukan persetubuhan pada siang hari di bulan Ramadan
- Puasa dalam ibadah haji dan umrah sebagai ganti untuk penyembelihan fidyah
- Puasa untuk solat Istisqa' jika diperintahkan oleh imam

II. SUNAT:

- Puasa hari Arafah (9 Zulhijjah)
- Puasa hari Tasu'a (9 Muharram)
- Puasa hari 'Asyura (10 Muharram)
- Puasa enam di bulan Syawal
- Puasa di bulan Syaaban
- Puasa hari Isnin & Khamis, dll

III. MAKRUH:

- Puasa hari Jumaat sahaja tanpa ada apa-apa tujuan dan tanpa didahului sehari sebelum atau sehari selepas
- Puasa berturut-turut tanpa sahur
- Puasa sepanjang tahun
- Mengkhususkan puasa pada hari Ahad

IV. HARAM:

- Hari Raya Aidil Fitri & Hari Raya Aidil Adha
- Hari-hari Tasyriq (11,12,& 13 Zulhijjah)
- Hari Syak (30 Syaaban)
- Puasa sunat seorang isteri tanpa keizinan suami dan puasa seorang hamba tanpa keizinan tuan; puasa sah tapi hukumnya haram


V. HARUS

- Puasa pada bila-bila sahaja kecuali pada hari-hari yang diharamkan dan dimakruhkan untuk berpuasa


KEADAAN YANG MEWAJIBKAN PUASA RAMADAN:

- 1) Cukup 30 hari bulan Syaaban
- 2) Melihat anak bulan bagi orang yang melihatnya sendiri
- 3) Yakin tentang adanya anak bulan tersebut bagi orang yang tidak melihatnya
- 4) Melalui berita atau riwayat yang disampaikan oleh seseorang yang adil dan yang boleh dipercayai
- 5) Merasa zan (ragu-ragu) masuknya Ramadan


SYARAT SAH PUASA:



SYARAT WAJIB PUASA:



RUKUN-RUKUN PUASA:



INFO:

Puasa sunat; sah berniat pada waktu siang dengan syarat berniat sebelum tergelincir matahari & belum melakukan sesuatu yang boleh membatalkan puasa sebelumnya


SUNAT-SUNAT PUASA ANTARANYA:

- 1) Segera berbuka puasa pada waktunya
- 2) Makan sahur dan melambatkannya
- 3) Membaca doa ketika berbuka puasa
- 4) Sunat berbuka dengan kurma
- 5) Memperbanyak membaca Al-Quran, ibadah, iktikaf dan berzikir
- 6) Solat terawih dan witir
- 7) Memperbanyak sedeqah
- 8) Memelihara diri daripada marah, berkata keji, mengumpat dan lain-lain

PERKARA-PERKARA MAKRUH DILAKUKAN KETIKA BERPUASA:

- | | | | | |
|---|--|--|---|---|
| Berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung secara berlebihan | Mengunyah makanan dengan syarat tidak tertelan | Merasa makanan tanpa menelannya | Berbekam (batal puasa-mazhab Hanbali) | Menghidu minyak wangi secara berlebihan |
| Berendam di dalam air | Bersiwak atau memberus gigi setelah gelincir matahari - sesetengah pendapat tidak makruh | Terlalu banyak makanan, tidur dan bercakap perkara tidak berfaedah | Melakukan syahwat-syahwat yang dibolehkan | |

PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA:



HUKUM BERBUKA PUASA PADA BULAN RAMADAN:



GOLONGAN YANG DIBOLEHKAN BERBUKA PUASA PADA BULAN RAMADAN:

1) Musafir	2) Orang sakit	3) Orang yang terlalu tua
4) Perempuan yang mengandung	5) Orang yang terlalu haus	6) Perempuan yang menyusukan anak

INFO:

Seseorang yang bekerja sendiri atau bekerja dengan orang lain, yang melakukan kerja berat yang terdapat kepayahan/kesusahan, dibolehkan berhenti puasa ketika bekerja itu (wajib berniat di malam hari, dan teruskan berpuasa selagi mampu, tidak boleh berhenti puasa sebelum mula pekerjaan tersebut). Wajib baginya mengqada'kan semula puasa tersebut.

KATEGORI QADA', FIDYAH DAN KAFARAH:

HUKUM	GOLONGAN
Wajib qada' tanpa fidyah	<ul style="list-style-type: none"> • Orang sakit yang tidak larat berpuasa, tetapi ada harapan untuk sembuh • Orang bermusafir 2 marhalah atau lebih, bukan tujuan maksiat • Orang yang sangat lapar dan dahaga; membahayakan diri • Perempuan hamil atau perempuan yang menyusukan anak; takut mudarat kepada dirinya dan anaknya • Perempuan haid & nifas • Orang yang pengsan • Orang yang mabuk & pitam sepanjang hari • Lupa niat di malam hari / sengaja tidak berniat • Orang yang melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa • Membatalkan puasa bukan dengan jima' • Orang murtad; kembali semula kepada Islam
Wajib qada' dan fidyah	<ul style="list-style-type: none"> • Perempuan hamil atau perempuan yang menyusukan anaknya dan takut mudarat kepada anak yang dikandung atau disusukan itu • Orang yang menunda-nunda untuk mengqada'kan puasanya sehingga datang Ramadan berikutnya
Wajib fidyah tanpa qada'	<ul style="list-style-type: none"> • Orang yang sangat tua; tidak larat berpuasa • Orang sakit yang tidak ada harapan sembuh • Orang yang meninggal dunia sebelum mengqada'kan puasa Ramadan sehingga masuk Ramadan berikutnya
Tidak wajib fidyah & tidak wajib qada'	<ul style="list-style-type: none"> • Orang gila yang bukan sengaja untuk gila
Wajib qada' & kaffarah	<ul style="list-style-type: none"> • Lelaki yang berpuasa Ramadan yang bersetubuh dengan sengaja pada siang hari. <p>Kaffarahnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memerdekakan seorang hamba yang mukim & tidak cacat, sama ada lelaki/perempuan, besar/kecil. Jika tidak mampu, - Puasa 2 bulan berturut. Jika tidak mampu, - Memberi makanan (atau memberi beras) sebanyak 60 cupak (lebih kurang 60kg)

KEADAAN YANG TIDAK MEMBATALKAN PUASA WALAUPUN SUDAH SAMPAI KE RONGGA:

INFO

Fidyah:

Memberi makan kepada orang miskin sebanyak 1 cupak (beras/ makanan asasi sesebuah negeri) bagi satu hari yang ditinggalkan.

- Apa yang masuk ke mulut kerana lupa
- Tidak tahu hukumnya
- Dipaksa oleh orang lain
- Air liur yang mengalir di antara gigi-giginya sedangkan dia tidak mampu untuk mengeluarkannya
- Masuk ke dalam rongga mulut adalah debu di Jalan raya
- Depu tepung yang di ayak
- Lalat yang terbang atau sebegini

PUASA – FIQH PERUBATAN:

1) Menggunakan ubat titis mata dan ubat titis hidung ataupun semburan hidung, sekiranya dielakkan menelan ke halkum

2) Menggunakan ubat yang diletakkan di bawah lidah (sublingual) seperti tablet nitroglycerin (GTN) yang biasanya digunakan bagi merawat sakit jantung sekiranya dielakkan menelan hingga ke halkum.

3) Memasukkan semua bentuk tiub atau bahan ke dalam badan melalui saluran kencing sama ada lelaki ataupun wanita seperti probe, urethroscope atau ubat bagi mencuci pundi kencing

4) Mencabut gigi, menampal gigi, mencuci gigi atau menggosok gigi dengan siwak ataupun memberus gigi selagi mana tidak masuk ke dalam halkum ditelan)

5) Memberi gas oksigen, gas bus ataupun selainnya

6) Menyapu ubat sapuan seperti krim atau minyak pada kulit walaupun terdapat bahan kimia yang menyerap ke dalam kulit

7) Mengambil ubat secara sedutan seperti ubat asma sama ada inhaler, tubuhaler, rotahaler dan nebulizer atau selainnya

8) Mengambil sampel darah untuk ujian makmal memindahkan daripada penderma darah ataupun orang yang menerima darah

9) Berbekam

AKHLAK

PENGERTIAN:

- Perkataan “Akhlaq” adalah kata-kata jamak’ (plural) dari perkataan “al-Khuluq” pecahan dari perkataan *al-Khalq*.
- Menurut Ibn Athir, “*Khuluq*” atau Akhlak bentuk kejadian manusia dari bentuk batin, sementara “*al-Khalq*” ialah bentuk kejadian manusia dari sudut lahirnya.
- Sifat yang ada dalam diri- jiwa manusia yang telah tetap sehingga dengan mudah dan senang mendorong dan melahirkan perlakuan yang baik atau buruk tanpa difikir-fikir atau dirancangan.

DALIL:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah”. (Al-Ahzab: 21)

An-Nawwaas bin Sim'aan Al-Anshary radiyallahu 'anhu berkata: Aku bertanya kepada Rasulullahu 'alaihi wasallam tentang kebaikan dan keburukan, dan Rasulullahu menjawab:

الْبِرُّ حُسْنُ الْخُلُقِ، وَالْإِيمُ مَا حَاكَ فِي صَدْرِكَ، وَكَرِهْتَ أَنْ يَطَّلِعَ عَلَيْهِ النَّاسُ» صحيح مسلم

“Kebaikan adalah akhlak yang baik, dan keburukan adalah sesuatu yang mengganjal di dadamu (*hatimu*), dan kamu tidak suka jika orang lain mengetahuinya.”
[Sahih Muslim]

KOMPONEN MANUSIA:

Fizikal dan Kerohanian

Komponen manusia di atas membicarakan aspek fizikal dan rohani setiap insan, ia merangkumi tujuh anggota fizikal yang berperanan dalam melakukan ibadah kebaikan mahupun keburukan.

Anggota tersebut adalah mata, telinga, lidah, perut, kemaluan, kedua-dua tangan dan kaki. Kemudian, diikuti dengan kriteria 10 sifat mazmumah dan 10 sifat mahmudah yang semuanya berpangkalan dan berpusat pada hati.

Matlamat dicipta 7 anggota fizikal manusia

Mata, telinga, lidah, perut, kemaluan, kedua-dua tangan dan kaki

a. Mata

Tujuan dijadikan:

- Tujuan untuk akhirat
Memandang ke langit, matahari, bulan dan bintang serta selainnya agar dapat diyakini adanya yang mencipta tersebut di atas iaitu Allah swt.
Begitu juga melihat al-Quran, melihat jalan ke Masjid / Surau, tempat menuntut ilmu (kelas).
- Tujuan untuk Dunia:
Melihat tempat bekerja (ofis) dan agar tidak berlakunya kemalangan seperti terjatuh atau perlanggaran
- Cara bersyukur dengan nikmat Mata
Memelihara dari melihat yang haram, seperti melihat wanita dengan syahwat atau melihat auratnya selain dari isterinya (begitu juga wanita melihat lelaki)

Engineering • Technology • Creativity

Firman Allah swt yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka. Oleh yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah swt amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan”

b. Telinga

Tujuan dijadikan:

- Tujuan untuk akhirat
Mendengar ayat-ayat al-Quran, Hadis dan ilmu yang memberi manfaat.
- Tujuan untuk dunia
Mendengar dan memahami perkataan yang disampaikan.
- Cara Bersyukur dengan Telinga
Tidak mendengar perkara yang dilarang seperti mengumpat dan mengadu-ngadu dan perkataan yang tidak baik seperti bidah, berbantah-bantah, mendengar suara wanita muda belia (lunak), mendengar muzik sehingga melalaikan.

c. Lidah

Tujuan dijadikan:

- Tujuan untuk akhirat.
Membaca al-Quran dan hadis, zikir, menyuruh melakukan kebajikan dan melarang dari berbuat kejahatan dan memberi nasihat, menunaikan hajat, mendamaikan orang berkelahi.
- Tujuan untuk dunia
Segala yang digunakan untuk kebaikan dunia seperti untuk mencari harta dengan segala akad, seperti akad jual beli, akad sewa.
- Cara bersyukur dengan Lidah
Tidak berkata yang dilarang seperti berdusta yang samada menyakiti akan orang lain atau tidak menyakiti kecuali berdusta kerana hajat (keperluan) seperti mendamaikan dua sahabat yang bergaduh.

d. Perut

Engineering • Technology • Creativity

Tujuan dijadikan :

- Tujuan untuk akhirat
Memberi faedah proses makanan menjadi darah dan kepada air mani. Dengan air mani akan memperoleh keturunan manusia. Maka dengan kesihatan anggota dalaman seperti jantung, limpa, paru-paru dan perut besar menyebabkan mampu menunaikan ibadah kepada Allah swt
- Tujuan untuk dunia
Merasai kesedapan segala jenis makanan, minuman dan perhubungan badan suami isteri (seks). Ini kerana 3 nikmat di atas sempurna apabila perut sihat.
- Cara bersyukur dengan perut
Memelihara dari memakan makanan haram dan syubhah (tidak yakin halal dan haramnya), makan tidak terlalu kenyang,

e. Kemaluan

Tujuan dijadikannya:

Sabdaan Nabi SAW “ *Berkahwinlah oleh kamu nescaya kamu mendapat anak-anak maka bahawasanya aku bermegah dengan kamu akan segala umat pada hari kiamat*”

- Tujuan dijadikan untuk dunia:
Perhubungan badan suami isteri dan bergembira dengan anak-anak yang diperoleh melalui perhubungan itu.
- Cara bersyukur dengan anggota kemaluan:
Memelihara daripada yang haram seperti zina, liwat dan mengeluarkan air mani dengan selain dari tangan isterinya dan jarinya. Memelihara dari syubhah seperti jimak pada nikah yang batal (tidak sah)

f. Dua tangan dan dua kaki

Tujuan dijadikannya:

- Tujuan dijadikan untuk akhirat:
Mengerjakan dengannya amalan kebajikan seperti berjalan ke Masjid/Surau dan ke tempat belajar ilmu yang memberi manfaat.
Begitu juga berjihad ke tempat medan perang atau mengerjakan haji dan umrah.
Contoh yang lain seperti menghubungkan silaturahmi (ziarah menziarahi) dan segala jenis ibadat (kebajikan atau kebaikan) yang dilakukan oleh kedua-dua anggota tangan dan kaki.
Begitu juga menghalang kemungkaran melalui tangan seperti menulis akan ilmu yang bermanfaat dan seperti berjabat tangan dengan orang soleh (baik menurut Islam) dan segala amalan soleh yang dikerjakan oleh tangan dan kaki.
- Tujuan untuk dunia
Berusaha mencari harta benda (keperluan dunia), memelihara daripada mudarat (merbahayakan diri) iaitu, seperti melarikan diri dengan dari binatang buas.
- Cara bersyukur dengan anggota tangan dan kaki
Memastikan kedua anggota tersebut digunakan untuk tujuan ketaatan dan menjauhi kemaksiatan. Tidak menyakiti sesuatu (makhluk) dengannya (tangan dan kaki). Tidak khianati orang yang dipercayai dengan keduanya.
Tidak mengambil yang bukan haknya (haram), tidak berkarya dengan keduanya perkara yang dilarang oleh syarak dan yang memberi mudarat orang Islam.
Seperti melibatkan diri dengan ilmu yang diharamkan contoh, ilmu sihir dan yang seangkatan dengannya.
Tidak pergi ke tempat yang haram dan tempat orang zalim melainkan darurat atau tujuan dakwah.


Sifat Mahmudah dan Pengertiannya:

- Sifat yang terpuji / baik / menyenangkan orang lain
- 10 sifat mahmudah yang utama berdasarkan Imam Al-Ghazali



Sifat Mazmumah dan pengertiannya

- Sifat yang tercela / buruk / yang tidak menyenangkan orang lain
- 10 sifat mazmumah yang utama berdasarkan Imam Al-Ghazali



5 AMALAN TERPUJI

5 Amalan terpuji yang wajib ke atas pelajar muslim agar hidup mereka dilindungi Allah swt dan sentiasa memperoleh bantuan Ilahi ialah :

1- Membaca al-Quran dan al-Hadis dan tahu maksudnya
- Mampu mengaji dan membaca hadis dengan baik dan melakukannya setiap hari sebagai tanda mencintai Allah swt

2- Zikrullah (Istigfar dan Selawat)
- Memastikan zikir disebut dimulut dan difahami dihati dalam kiraan melebihi 200 kali sehari

3- Solat Fardhu Berjemaah
-Melakukan solat berjemaah sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi saw. Terutama solat subih dan isyak di masjid/surau. Ini sebagai tanda mencintai Nabi saw yang hukumnya wajib

4- Solat Sunnat
-Iaitu solat sunat yang sangat dituntut seperti solat sunat selepas solat fardhu. Ini sebagai tanda aras yang kita sentiasa melakukan yang terbaik dengan ikhlas keranaNya

5- Doa (memohon sentiasa dibantu Allah)
-Sentiasa berdoa agar Allah swt membantu memudahkan segala urusan kita, keluarga, sahabat, para guru dan UMP. Kita akan peroleh apa yang kita doakan buat orang lain dengan ikhlas.

30 KESAN DOSA DALAM KEHIDUPAN

Setiap dari kita mesti pernah buat dosa dan maksiat bahkan ada yang mengulangi lagi dosa-dosa itu kerana rasa seronok. Jangan biarkan diri berasa seronok melakukan maksiat dan dosa kerana akan memberikan kesan buruk kepada diri. Marilah kita sama-sama muhasabah, dan berusaha sebaik mungkin untuk tinggalkan maksiat. Moga Allah pelihara dan bantu kita untuk tinggalkan maksiat sebelum kita jadi mayat.


Membantutkan potensi diri	Nafsu tidur akan bertambah	Nafsu makan akan semakin liar	Banyak kerja tak menjadi	Allah tarik keberkatan rezeki	Hubungan dengan manusia makin rosak
Allah tarik nikmat kesihatan tubuh badan	Ilmu susah nak masuk ke dalam hati	Otak malas berfikir	Allah tarik keberkatan masa	Allah tarik nikmat beribadah	Melengah-lengahkan solat terasa normal
Susah menerima teguran dan nasihat	Rasa diri hebat dan paling betul	Semua orang dia nak salahkan	Tak suka tengok kelemahan diri	Suka cari kesalahan orang	Sebulan tak baca Quran rasa normal
Hati tak terasa apa-apa dengan kematian	Sukar bergaul dengan masyarakat	Jiwa cepat resah	Cepat putus asa	Suka lari dari masalah	Suka mencarut
Cepat marah dan melenting	lewat solat Subuh terasa normal	Mengelak dari majlis ilmu	Mengelak dari bersama orang yang soleh	Memendekkan umur dan keberkatan hidup	Maksiat menumbuhkan maksiat lain

Kata seorang ulama salaf:

"Jika seorang hamba melakukan kebaikan, maka hal tersebut akan mendorongnya untuk melakukan kebaikan yang lain dan seterusnya. Dan jika seorang hamba melakukan keburukan, maka dia pun akan cenderung untuk melakukan keburukan yang lain sehingga keburukan itu menjadi kebiasaan bagi pelakunya."
(Al-Jawabul kafi liman sa'ala 'anid dawa as syafi)

Moga Allah beri kita kekuatan untuk meninggalkan segala maksiat dan ketagihan maksiat, lalu dengan pantas berlari kepada Allah untuk bertaubat lagi dan lagi sampailah mati. Wallahua'lam

PESANAN KEHIDUPAN



HABLUMMINALLAH:



HABLUMMINANNAS:



- Antara nasihat Nabi Muhammad saw yang paling berharga adalah anjuran untuk menghiasi diri dengan akhlak mulia.
- Nabi Muhammad saw tidak hanya menganjurkan dengan kata-kata, baginda mempraktikkannya terlebih dahulu dengan sempurna, sehingga baginda benar-benar menjadi teladan terbaik sepanjang zaman.
- Antara akhlak mulia yang dimiliki oleh Rasulullah saw adalah toleransi, pemaaf, adil, rendah hati dan penuh kasih sayang. Masih banyak lagi sifat mulia baginda yang tidak mampu disebut satu persatu disini.
- Kata-kata yang tepat bagi menggambarkan akhlak baginda adalah baginda memiliki 'akhlak al-Quran'

RUJUKAN

- <http://ii.islam.gov.my/rukuniman/qadadanqadar.php>
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Hari_Kiamat
- <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/08/308958/menyanggah-fahaman-liberalisme>
- <https://vdokumen.net/aqidah-islamiyyah-sekulirsme.html>
- <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/696-bayan-linnas-siri-ke-107-menilai-fahaman-new-atheism>
- <http://webcache.googleusercontent.com/search?q=cache:http://ekhutbah.ns.gov.my/upload/666-TEKS%2520KHUTBAH%2520%2520-%2520NOVEMBER%2520MINGGU%25201%2520TAJUK%2520-%2520BAHAYA%2520ATHEIS.pdf>
- <https://www.harakahdaily.net/index.php/berita/15-tanah-air/6757-ancaman-islam-liberal-di-malaysia>
- https://www.academia.edu/30404987/PENGERTIAN_MURTAD_DAN_ISU_ISU_DI_MALAYSIA
- <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/05/memahami-isu-islamophobia1.pdf>
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Tauhid_Uluhiyah
- Buku Pedoman Ilmu Tauhid karangan Haji Osman bin Jantan
- <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/2959-al-afkar-32-beza-al-masih-pada-nabi-isa-as-dan-pada-dajjal>
- https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002849_121348.pdf
- <http://moezamaziz.blogspot.com/2014/03/10-sifat-mahmudah-dan-mazmumah-menurut.html>
- <http://pusat-akademik.blogspot.my/2008/10/pengertian-dan-asal-usul-tasawuf.html>
- <http://repository.umy.ac.id/bitstream/handle/123456789/3327/Tiga%20Tahapan%20Pembersihan%20Hati.pdf?sequence=1&isAllowed=y>
- Al-Quran Al-Karim
- <http://majelispenulis.blogspot.my/2013/01/hablum-minallah-wa-hablum-minannas.html>
- Bab Amanah, ms 263-264, IndahNya Akhlak Rasulullah saw, Menurut Bukhari & Muslim
- Bab Bergaul dengan Baik, ms 401-402, IndahNya Akhlak Rasulullah saw, Menurut Bukhari & Muslim
- Al-Quran Al-Karim
- Misbahud Duja, Syarah Safinah An-Naja, Ustaz Muhadir Hj. Joll
- IndahNya Hidup Bersyariat, Dato' Ismail Kamus & Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid